05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KATA SENDI NAMA *'PADA'* DAN *'KEPADA'* DALAM BAHASA MELAYU : PERBANDINGAN ANTARA TEKS TATABAHASA DEWAN DENGAN DATA KORPUS DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

MOHD POUZI BIN ZAKARIA
M20051000004

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2008

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

24 OKTOBER 2008 .....

(MOHD POUZI BIN ZAKARIA)
NO. MATRIK : M20051000004

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Setinggi ucapan kesyukuran saya panjatkan ke hadrat **Ilahi** kerana dengan izin, rahmat dan limpah kurnia-Nya dapat saya sempurnakan kertas projek ini. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita **Nabi Muhammad S.A.W**, keluarga, serta para sahabat baginda.

Ribuan terima kasih dan rasa terhutang budi yang tidak ternilai harganya saya rakamkan kepada **Yang Dikasihi En. Abdullah b. Yusof**, selaku pembimbing dan penyelia kertas projek ini atas penglibatan beliau secara bersungguh-sungguh, berdedikasi serta sabar dalam membimbing serta memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang kajian ini dilakukan.

Ribuan terima kasih juga saya rakamkan kepada **Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)** serta **pegawai-pegawainya** di Bahagian Penyelidikan, Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka kerana membenarkan saya menggunakan kemudahan untuk mendapatkan data korpus berkomputer. Terima kasih juga kepada semua pegawai dan kakitangan perpustakaan UKM, UM, dan UPSI atas komitmen mereka semasa saya mengumpulkan bahan-bahan untuk kajian ini.

Terima kasih daun keladi, saya dedikasikan kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak **(Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan, Prof. Dr. Abdul Hamid Mahmood, En. Idris Radzi)** di atas segala ilmu yang telah dicurahkan

Tidak lupa juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada **kakitangan dan staf sokongan** Fakulti Bahasa UPSI, khususnya, **Pn. Zuliza,** teman-teman sekuliah, **En. Shamsul Haris, En. Zujiman** dan **Pn. Rosezah**; guru-guru dan kakitangan SMK Dr. Burhanuddin, khususnya **En. Azly Ibrahim, En. Shafrizal** dan **En. Saifuddin ,** yang banyak membantu dalam hal-hal yang berkaitan komputer.

Buat keluarga tercinta, khususnya isteri saya **Pn. Wan Noraini Wan Hassan** yang banyak berkorban dan putera puteriku, **Ahmad Fawwaz Najmi, Fatin Najah** dan **Fathiah Najati**, maafkan papa kerana mencuri masa berharga kalian. Tidak ketinggalan kepada bonda **Pn. Hjh. Azizah Salleh** dan semua yang terlibat menjayakan kajian ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya. Jasa kalian amat saya hargai.

20 OKTOBER 2008

MOHD POUZI BIN ZAKARIA
Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa, UPSI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Salah satu aspek tatabahasa yang sering mengelirukan pelajar dan juga pengguna bahasa Melayu amnya ialah kata sendi nama. Dalam pengajaran tatabahasa di sekolah, seperti yang terdapat dalam buku-buku tatabahasa, fungsi kata sendi nama dan peraturan penggunaannya diterangkan dengan jelas oleh guru. Namun apabila pelajar-pelajar berdepan dan berinteraksi dengan masyarakat, termasuk membaca surat khabar dan majalah-majalah, mereka menjadi keliru kerana kata sendi nama yang dipelajari di sekolah mungkin agak berbeza dan lebih bebas penggunaannya dalam kalangan masyarakat. Fenomena ini bukan sahaja berlaku kepada pelajar sekolah tetapi juga kepada kebanyakan pengguna bahasa Melayu. Linguistik bukan merupakan ilmu yang statik sifatnya kerana bahasa itu sendiri merupakan entiti yang hidup. Namun begitu, mana-mana kajian yang dibuat secara saintifik juga memerlukan huraian ilmiah dan kukuh bagi memastikan apa yang bakal dicadangkan menggantikan pendapat penahu terdahulu diyakini oleh pengguna bahasa. Antara jalan penyelesaian yang boleh diambil adalah dengan menggunakan data korpus berkomputer dan juga korpus pertuturan. Kajian ini akan menganalisis data daripada korpus berkomputer Dewan Bahasa dan Pustaka untuk melihat gelagat sebenar pengguna kata sendi nama *pada* dan *kepada* dalam kalangan masyarakat. Secara umumnya penahu-penahu terdahulu meletakkan kata sendi nama *pada* dan *kepada* di hadapan kata nama atau frasa nama dengan hukum dan fungsi-fungsi tertentu. Bagaimanapun, berdasarkan data korpus berkomputer, didapati terdapat perbezaan pola penggunaan kata sendi nama *pada* dan *kepada* berbanding dengan Tatabahasa Dewan. Kajian ini menemukan beberapa dapatan yang menunjukkan penggunaan kata sendi nama *pada* dan *kepada* yang digunakan oleh masyarakat adalah bersesuaian dalam konteks ayat tanpa menjejaskan maksud yang ingin disampaikan, walaupun berbeza daripada dalam buku Tatabahasa Dewan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

One of the grammartical aspect that always confuse the students and the users of Bahasa Melayu in general is the preposition (kata sendi nama). Preposition has been explained and taught to students in schools clearly by the language teachers. However, when the students are facing and interact with the outside community as well as when reading the newspaper and magazines, they become confused. This is because the preposition that are learn in school might be different. The use of preposition in the community or in informal situations is more free. This phenomenon occurs not only to the school students but also to many users of Bahasa Melayu. Linguistic is not a static knowledge because language is a living entity itself. However, all the scientific and valid research the has been made needs academic explanation and elaboration to ensure what will be proposed to replace the linguists opinions which are convincing to the users of the language. Among the solutions that can be taken are by using computerised corpus data and speech corpus. This research will analyze the datas from Dewan Bahasa dan Pustaka computerised corpus to see the real nature of the users of the language when using the preposition *"pada"* and *"kepada"* in the community. In general, the earlier linguists have put the preposition *"pada"* and *"kepada"* infront of a pronoun or noun phrase under certain law and functions. However, based on the community corpus data, there are differences in the use of preposition *"pada"* and *"kepada"* pattern as compared to the Dewan grammar. This research has found that the use of the prepositions *"pada"* and *"kepada"* that are used in the community are suitable in certain sentence context without interfering the meaning that wished to be delivered. Eventough they are different from the Tatabahasa Dewan book.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI SINGKATAN		ix
BAB 1	PENDAHULUAN	1
1.0	Pengenalan	1
1.1	Pernyataan Masalah	6
1.2	Objektif Kajian	8
1.3	Kepentingan Kajian	9
1.4	Kaedah Kajian	11
1.5	Batasan Kajian	12
1.6	Definisi Konsep	12
1.6.1	Bahasa Melayu	13
1.6.2	Kata Sendi Nama	14
1.6.3	Data Korpus	16
1.6.4	Konkordans	17
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	19
2.0	Pendahuluan	19
2.1	Pengenalan	19

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Kajian Di Dalam Negara 22

2.3 Kajian Di Luar Negara 32

2.4 Konsep dan Huraian Tentang Kata Sendi Nama 'Pada' dan 'Kepada' 35

2.4.1 Huraian Nik Safiah Karim dll. 35

2.4.2 Huraian Za'ba 40

2.4.3 Huraian Asmah Hj. Omar 41

2.4.4 Huraian Arbak Othman 43

2.4.5 Huraian Abdullah Hassan dan Ainon Mohd 46

BAB 3 KAEDAH KAJIAN 48

3.0 Pengenalan 48

3.1 Reka Bentuk Kajian 48

3.2 Kaedah Perpustakaan 49

3.3 Pengumpulan Data 49

3.4 Sampel Kajian 50

3.5 Kaedah Penganalisisan Data Kajian 51

3.6 Kesimpulan 51

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 52

4.0 Pengenalan 52

4.1 Analisis Kekerapan Penggunaan Kata Sendi Nama *Pada* dan *Kepada* dalam Data Korpus 54

4.2 Perbandingan Dapatan Baharu Dengan Tatabahasa Dewan 57

4.3 Analisis Kata Sendi Nama 58

4.3.1 Penggunaan Kata Sendi Nama *Pada* Menurut Tatabahasa Dewan 59

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

4.3.1.1 Contoh Kata Sendi Nama *Pada* yang Tidak Mengikut Hukum Tatabahasa Dewan Dalam Data Korpus Berkomputer 62

4.3.2 Penggunaan Kata Sendi Nama *kepada* Menurut Tatabahasa Dewan 70

4.3.2.1 Contoh Kata Sendi Nama *kepada* yang Tidak Mengikut Hukum Tatabahasa Dewan dalam Data Korpus Berkomputer 73

4.4 Kesimpulan 77

BAB 5 PENUTUP 79

5.0 Pengenalan 79

5.1 Kesesuaian Metodologi Kajian 79

5.2 Dapatan Kajian 80

5.3 Implikasi Dalam Pendidikan 81

5.4 Kesimpulan 82

RUJUKAN 84

LAPMPIRAN 87

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

BM	-	**Bahasa Melayu**
DBP	-	**Dewan Bahasa dan Pustaka**
FK	-	**Frasa Kerja**
FN	-	**Frasa Nama**
ICT	-	**Information Technology**
KN	-	**Kata Nama**
KSN	-	**Kata Sendi Nama**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dalam Perlembagaan Malaysia artikel 152(1) menyebut bahawa bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia ialah bahasa Melayu. Kerajaan telah menggubal satu dasar pendidikan kebangsaan untuk melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah.

Dalam Laporan Razak (1956) disyorkan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu hendaklah dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah bantuan kerajaan. Mulai tahun 1957, pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah dilakukan peringkat demi peringkat. Bahasa Melayu juga dijadikan alat untuk menyatupadukan rakyat Malaysia melalui pendidikan. Sejak tahun 1969, nama Bahasa Malaysia digunakan untuk bahasa Melayu.

Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji Dasar Pelajaran (1979) menyebut pada masa ini (1978) bahasa Malaysia telah digunakan dengan meluasnya di sekolah dan dalam masyarakat sebagai bahasa perantaraan berbagai kaum di negara ini. Dengan ini Bahasa Malaysia dapat memainkan peranannya sebagai bahasa pengantar dan bahasa komunikasi untuk perpaduan rakyat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks pendidikan di negara kita, bahasa Melayu mendukung peranan yang penting, bukan sahaja sebagai satu mata pelajaran wajib, tetapi sebagai medium untuk menguasai ilmu dalam mata pelajaran yang lain juga. Oleh yang demikian, sudah sewajarnya mata pejajaran ini dipelajari dan dikuasai dengan baik oleh pelajar-pelajar. Dalam hal ini, kita tidak dapat menafikan bahawa masih terdapat dalam kalangan pelajar yang tidak dapat menguasai bahasa Melayu, sekaligus masih lagi melakukan kesilapan bahasa. Masalah ini didapati sering menjadi punca kepada kegagalan pelajar untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan mata pelajaran tersebut. Keadaan ini berlaku kerana faktor-faktor tertentu seperti minat pelajar, sikap, teknik dan kaedah pengajaran guru yang sering dikatakan sebagai punca kepada kegagalan tersebut. Fenomena ini ditambah pula dengan pendedahan terhadap kepelbagaian varian dalam penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada 15 Januari 1980, Menteri Pendidikan Malaysia telah mengumumkan bahawa satu jawatankuasa akan dibentuk untuk mengkaji penggunaan Bahasa Malaysia. Anggota jawatankuasa ini terdiri daripada pegawai Kementerian Pendidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka, agensi lain yang berkait dengan bahasa dan pakar bahasa. Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia ini diketuai oleh Awang Had Salleh. Dalam hasil mesyuarat jawatankuasa yang diserahkan kepada Menteri Pendidikan pada 25 Februari 1981. Jawatankuasa mendapati berlaku lima jenis penyimpangan sebagai sebab kesalahan bahasa. Di sini diperturunkan dua daripadanya.

a. Penyimpangan yang bercanggah dengan pola bahasa Melayu dan ini merupakan unsur negatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Penyimpangan yang salah daripada segi: sebutan, imbuhan, kata, frasa, makna dan ayat.

Antara sebab yang ditemukan oleh Jawatankuasa Mengkaji Bahasa Malaysia (1981) ialah:

a. Kejahilan
b. Kealpaan
c. Sikap tidak mengambil berat
d. Sikap angkuh.

Memandangkan hal ini semakin mengelirukan pengguna bahasa Melayu amnya dan para pelajar khasnya, seharusnya kita melihat susur galur penggunaan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di Malaysia. Menurut Asmah Haji Omar (1978:9) bahasa Melayu telah mula diperkenalkan oleh Inggeris sebagai satu mata pelajaran pada tahun 1819. Mata pelajaran ini diperkenalkan apabila wujudnya sekolah Melayu. Pada tahun 1956, Jawatankuasa Penyata Razak dibentuk bagi mengutarakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah. Segala cadangan ini kemudiannya telah diperkukuhkan lagi melalui Penyata Rahman Talib pada tahun 1960 untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib dalam kurikulum persekolahan di Malaysia. Berikutan daripada itu, martabat bahasa Melayu telah diletakkan ke tarafnya yang sebenar.

Meskipun bahasa Melayu telah diserapkan secara rasmi sebagai bahasa pengantar dalam kurikulum sejak tiga puluh tahun yang lalu, namun masih ada pelajar tidak dapat mengelak daripada melakukan kesalahan bahasa. Ketika memperkatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesalahan bahasa, bentuk bahasa yang betul perlu dibuat penentuan. Kesalahan bahasa dan hubungannya dengan status bahasa Melayu perlu dilihat mengikut perspektif penggunaaan bahasa tersebut sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. (Zulkifli Baharin, 1997:1)

Pit Corder (1967:58) memberi pandangan tentang kesalahan bahasa, antara lain beliau mengatakan :

> *"All learners make mistakes. This is not confined to all language learners. We still make mistakes when we are speaking our mother tongue."*

Ibrahim Ahmad (1989) pula mengatakan bahawa kesilapan bahasa disebabkan ketidaksefahaman atau kejahilan seseorang itu terhadap hukum tatabahasa yang dipelajarinya. Manakala kesilapan bahasa pula berlaku disebabkan oleh faktor-faktor bukan linguistik seperti kegagalan ingatan, ketegangan, keletihan fizikal atau mental dan kadang-kadang kemabukan juga.

Nik Safiah Karim (1978) dan Asmah Haji Omar (1980) bersetuju bahawa penggunaan bahasa yang terkeluar daripada penggunaan yang baku adalah sebagai kesilapan bahasa, kecuali sekiranya dalam situasi tidak formal, misalnya penggunaan dialek-dialek bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, kesilapan bahasa itu boleh dilihat secara positif, seperti mana pandangan Asmah Haji Omar (1978:166):

> *"Kesilapan bahasa itu tidak seharusnya dianggap sebagai pencemaran, kerana kesilapan merupakan penyimpangan yang tidak disengajakan daripada peraturan-peraturan bahasa. Kesilapan boleh*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diperbaiki secara mendidik dan bukan dimomok-momokkan."

Salah satu aspek tatabahasa yang sering mengelirukan pelajar dan juga pengguna bahasa Melayu amnya ialah kata sendi nama. Dalam pengajaran tatabahasa di sekolah, seperti yang terdapat dalam buku-buku tatabahasa, fungsi kata sendi nama dan peraturan penggunaannya diterangkan dengan jelas oleh guru. Namun apabila pelajar-pelajar berdepan dan berinteraksi dengan masyarakat, termasuk membaca surat khabar dan majalah-majalah, mereka menjadi keliru kerana kata sendi nama yang dipelajari di sekolah mungkin agak berbeza dan lebih bebas penggunaannya dalam kalangan masyarakat. Fenomena ini bukan sahaja berlaku pada pelajar sekolah tetapi juga pada kebanyakan pengguna bahasa Melayu.

Apabila berlaku konflik yang timbul dalam penghuraian aspek nahu bahasa Melayu, sewajarnya dicarikan jalan untuk menghuraikan bahasa dengan lebih saintifik. Linguistik merupakan kajian sains yang membolehkan lebih banyak penyelidikan dilakukan. Linguistik bukan merupakan ilmu yang statik sifatnya kerana bahasa itu sendiri merupakan entiti yang hidup. Namun begitu, mana-mana kajian yang saintifik juga memerlukan huraian ilmiah dan kukuh bagi memastikan apa yang bakal dicadangkan menggantikan pendapat penahu terdahulu diyakini oleh pengguna bahasa. Antara jalan penyelesaian yang boleh diambil adalah dengan menggunakan data korpus berkomputer dan juga korpus pertuturan.

(Nor Hashimah Jalaluddin, 2005:21)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ahli-ahli semantik pernah menyelesaikan masalah percanggahan makna dengan berbantukan data korpus. Mindt (1991) dalam McEnery (2001), yang dipetik oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2005) membuktikan bahawa data korpus mampu menyediakan pertamanya kriteria yang objektif dalam menentukan makna dan keduanya menyelesaikan masalah kekaburan (*fuzziness*) dan darjah kecerunan makna (*gradience*) dalam bahasa Inggeris. Dengan bantuan korpus, Mindt telah berjaya menangkis dakwaan terawal penahu Inggeris mengenai kata kerja kala (*tenses*). Mindt mendapati subjek personal hadir dengan kerapnya dengan *present progressive*, manakala subjek personal hadir sedikit dengan *simple future*, iaitu *will* dan *be going to.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, kajian ini dibuat untuk menghuraikan dan membincangkan secara objektif persamaan dan perbezaan antara kata sendi nama 'pada' dan 'kepada' dalam buku Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim dan rakan-rakan) dengan data-data daripada korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

1.1 Pernyataan Masalah

Dalam kajian linguistik, khususnya kajian yang berdasarkan data korpus, para pengkaji sering kali bertemu dengan bentuk alternasi morfem yang memiliki beberapa varian. Dari segi semantik, bentuk-bentuk ini boleh dianggap sebagai bervariasi bebas kerana hampir kesemuanya membawa makna yang sama , kecuali dalam kes tertentu, terdapat juga varian-varian yang membawa makna yang berbeza. Misalnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kata terbitan 'mengkaji' didapati berbeza daripada 'mengaji', tetapi contoh seperti ini tidak banyak dalam bahasa Melayu. (Zaharani Ahmad , 2005:53)

Walaupun bahasa Melayu telah menjadi bahasa kebangsaan negara ini, tetapi penggunaan bahasa Melayu masih terdedah kepada pelbagai kesalahan. Kesalahan ini sering dilakukan sama ada secara lisan atau pun dalam bentuk penulisan. Kita sering terjumpa papan-papan tanda atau iklan yang menggunakan ejaan yang salah atau frasa yang digunakan secara tidak betul mengikut kehendak tatabahasa bahasa Melayu.

Bahasa Melayu dikatakan salah penggunaannya apabila terdapat unsur-unsur yang menyalahi peraturan tatabahasanya. Kesalahan ini berlaku dalam berbagai-bagai peringkat iaitu ejaan, kata, frasa, ayat dan juga imbuhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketika mempelajari tatabahasa bahasa Melayu, pelajar-pelajar diajar tentang penggunaan kata sendi nama menggunakan acuan buku Tatabahasa Dewan, yang telah diperakui kemantapannya oleh pihak Kementerian Pelajaran. Masalah kekeliruan tatabahasa mula timbul apabila pelajar berdepan dengan masyarakat, apatah lagi bila disogokkan dengan surat khabar, majalah-majalah dan buku-buku tatabahasa (selain daripada Tatabahasa Dewan) yang berada di pasaran, yang kadang kala berbeza dengan apa yang dipelajari di sekolah.

Kekaburan atau ketaksaan pengguna bahasa Melayu tentang ciri-ciri sintaksis kata sendi nama dalam bahasa Melayu ini menyebabkan seringkali berlaku ketidakselarasan dan kesilapan dalam penggunaan kata sendi nama. Contoh ketidakselarasan itu dapat dilihat dalam penggunaan kata sendi nama *dari* dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada serta *ke* dan *kepada.* Di samping itu, terdapat juga pertindanan dalam penggunaan kata sendi nama seperti *bagi, terhadap, tentang, antara* dan *di antara.*

Contohnya:

1. Angin kencang bertiup *dari* arah selatan.

   (bukan : Angin kencang bertiup *daripada* arah selatan)

2. Berdoalah *kepada* Yang Maha Esa.

   (Bukan : Berdoalah *pada* Yang Maha Esa.)

Perbezaan-perbezaan, kekaburan serta ketaksaan ini tidak seharusnya dijadikan alasan oleh pengguna bahasa Melayu untuk terus melakukan kesalahan demi kesalahan apabila bertutur atau menulis dalam bahasa tersebut.

Sesungguhnya wajarlah bagi penyelidik untuk membuat kajian ini bagi menghuraikan dan membincangkan secara objektif persamaan dan perbezaan antara kata sendi nama 'pada' dan 'kepada' daripada buku Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim dan rakan-rakan), berbanding data-data daripada korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

1.2 Objektif Kajian

Tujuan umum kajian ini adalah untuk meneliti, menghuraikan dan membincangkan secara objektif persamaan dan perbezaan antara kata sendi nama daripada buku Tatabahasa Dewan, dan data-data daripada korpus DBP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:

i) Mengenal pasti struktur kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'* yang terdapat dalam buku Tatabahasa Dewan dan data-data daripada korpus DBP.

ii) Mengenal pasti fungsi kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'* yang terdapat dalam buku Tatabahasa Dewan dan data-data daripada korpus DBP.

iii) Mengenal pasti persamaan-persamaan struktur dan fungsi antara kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'* daripada buku Tatabahasa Dewan, dan data-data daripada korpus DBP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv) Mengenal pasti perbezaan-perbezaan struktur dan fungsi antara kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'* daripada buku Tatabahasa Dewan dan data-data daripada korpus DBP.

1.3 Kepentingan Kajian

Pengkaji melakukan kajian ini kerana melihat pola penggunaan kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'* yang mengelirukan penutur bahasa Melayu. Semasa di sekolah, mereka belajar kata sendi nama tersebut berasaskan acuan buku Tatabahasa Dewan, tetapi apabila membaca surat khabar, majalah, ataupun buku-buku lain, didapati ada perbezaan , baik daripada segi struktur atau fungsinya. Fenomena ini harus ditangani

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara bijak dan ilmiah agar pengguna bahasa Melayu dapat memahami situisi sebenar dan tidak terus berada dalam kekeliruan. Pelajar-pelajar perlu mengetahui persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan tersebut, dan seterusnya dapat membuat pertimbangan agar 'kecelaruan' ini tidak menjejaskan penggunaan kata sendi nama apabila mereka menjawab soslan-soalan peperiksaan. Sehubungan itu, kajian ini penting kerana:

a) dapat membantu para pelajar di semua peringkat pengajian agar dapat memahami struktur dan fungsi kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'*, serta dapat menggunakannya dalam situasi yang sepatutnya.

b) dapat membantu guru-guru bahasa Melayu dalam menentukan teknik dan kaedah mengajar tatabahasa yang lebih berkesan dan realistik.

c) dapat membantu kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia merangka dan menggubal kurikulum bahasa Melayu yang sesuai dengan perkembangan pengetahuan para pelajar.

d) Dapat memberi maklum balas kepada penyelidik akan datang tentang persamaa-persamaan dan perbezaan-perbezaan kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'* yang terdapat dalam buku-buku tatabahasa dan korpus DBP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan berbentuk kaedah kepustakaan yang lebih bercorak deskriptif, iaitu mengkaji dan menganalisis bahan-bahan yang berkaitan dengan kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'*. Antara bahan-bahan tersebut ialah buku-buku yang berkaitan dengan bahasa, risalah, jurnal, artikel, akhbar, kertas kerja ilmiah yang berkaitan dan juga data-data korpus yang dimuat turun daripada korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Teks yang digunakan ialah Tatabahasa Dewan (Nik Safiah Karim dll). Sebanyak 900 data korpus kata sendi nama *'pada'* dan 900 data korpus kata sendi nama *'kepada'* telah digunakan dan dianalisis dalam usaha untuk membandingkannya dengan kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'* yang terdapat dalam teks Tatabahasa Dewan.

Tujuan pengkaji memilih teks tersebut untuk dibuat perbandingan dengan data-data korpus DBP adalah kerana setiap teks tersebut mempunyai kekuatan yang tersendiri. Tatabahasa Dewan ditulis oleh Nik safiah Karim dan tiga orang pakar bahasa yang tersohor, iaitu Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood. Teks ini juga menjadi pegangan guru-guru dan juga digunakan sebagai rujukan dalam pengajaran bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di sekolah, maktab, mahupun di institusi pengajian tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya menjurus kepada menganalisis persamaan dan perbezaan antara kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'* daripada buku Tatabahasa Dewan dan data-data korpus DBP sahaja.

Data korpus DBP yang mengandungi kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'* diambil daripada tiga jenis jurnal, iaitu akhbar-akhbar (tahun 2006), majalah-majalah ilmiah (tahun 2006) dan buku-buku klasik. Sebanyak 1,200 data diambil daripada setiap jenis jurnal, dengan masing-masing 1,200 data dalam bentuk konkordans, 1,200 data dalam bentuk ayat dan 1,200 data dalam bentuk perenggan. Jumlah keseluruhan data sebanyak 3,600 ini dijangka sudah mencukupi bagi tujuan analisis perbandingan.

1.6 Definisi Konsep

Dalam membincangkan kajian ini, pengkaji telah mengetengahkan beberapa konsep yang digunakan bagi merujuk maksud kata atau frasa tertentu. Oleh yang demikian, pengkaji telah menerangkan setiap maksud perkataan yang berkaitan, iaitu bahasa Melayu, perbandingan, kata sendi nama, dan juga data korpus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.1 Bahasa Melayu

Asmah Haji Omar (1978) menyatakan bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia. Bahasa Melayu juga menjadi bahasa pengantar ilmu di sekolah di Malaysia menurut Dasar Pelajaran Kebangsaan. Awang Sariyan (1984) memetik perkara 152, para 1, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, menyatakan bahawa Bahasa Kebangsaan adalah bahasa Melayu dan ditulis dalam bentuk tulisan yang ditentukan oleh parlimen. Profesor Ahmad Mohamed Ibrahim (1987) menyatakan perkara 152 di dalam Perlembagaan memperuntukkan bahawa Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang parlimen.

Bahasa Melayu telah diangkat statusnya menjadi bahasa rasmi negara sejak tahun 1957. Semenjak tahun 1957, Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, bahasa pentadbiran negara, bahasa media massa dan bahasa komunikasi rakyat. Sepuluh tahun selepas merdeka bahasa Melayu mulai dilaksanakan secara aktif sebagai bahasa ilmu pengetahuan di sekolah, maktab dan akhirnya pusat pengajian tinggi. Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia (1981) oleh Awang Had Salleh, tidak ada definisi rasmi diberikan di mana-mana tentang istilah bahasa kebangsaan dan Bahasa Malaysia. Menurut apa yang diperuntukkan dalam perlembagaan berbunyi seperti berikut:

Bahasa Melayu ialah bahasa ibunda kepada orang-orang keturunan Melayu. Perkara 152 : 1 Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, ini hendaklah digunakan di dalam semua urusan rasmi untuk memenuhi kehendak tersebut. Pada peringkat awal, bahasa kebangsaan telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diperkenalkan sebagai satu mata pelajaran di sekolah khususnya sekolah yang bahasa pengantarnya bukan Bahasa Melayu. Apabila kedudukan bahasa kebangsaan ini lebih mantap dan wujud pula keperluan untuk memperkukuhkan perpaduan rakyat dan memupuk keperibadian Malaysia, maka istilah Bahasa Malaysia telah digunakan.(1981)

Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran (1980), Bahasa Malaysia telah digunakan secara meluas di sekolah dan dalam masyarakat sebagai bahasa komunikasi umum antara pelbagai kaum di negara ini. Sejak ini bahasa tersebut memainkan peranannya sebagai alat perpaduan dan integrasi nasional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.2 Kata Sendi Nama

Zainal Abidin Bin Ahmad (Za'ba) (1964) menyatakan sendi nama itu ialah yang khas dipakai dengan nama atau ganti nama sahaja bagi menunjukkan persangkutan nama atau ganti nama itu dengan sesuatu perkataan lain di dalam ayat. Beliau seterusnya menambah, "*Dalam perbahasan nahu, sendi nama itu dikatakan 'menguncikan' nama (atau ganti nama) yang menjadi penyambutnya itu, kerana nama itu tidak dapat bergerak lagi untuk membuat kerja lain-lain."*(1964)

Sabaruddin Ahmad (1961) menyatakan kata sendi nama ialah kata yang berfungsi merangkai bahagian ayat dengan suatu keterangan tempat atau arah. De Hollander (1984) mendefinisikan kata sendi nama (preposisi) adalah kata yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertugas menyatakan pertalian antara dua nomina atau antara nomina dengan predikat.

Asmah Hj. Omar (1986) menamakan kata sendi nama sebagai *kata depan* dan berfungsi dalam frasa preposisi, yakni frasa yang unsur pertamanya ialah kata depan, sedangkan unsur berikutnya boleh terdiri dari kata sempurna. Frasa preposisi ini berfungsi dalam ayat sebagai adverba. Beliau membahagikan kata depan kepada tiga belas subgolongan kecil berdasarkan jenis adverba yang mendukungnya.

Arbak Othman (1989) juga menggunakan istilah kata depan untuk kata sendi nama memberikan definisi berikut:

> *"Perkataan yang tidak sempurna dengan erti kata ia tidak dapat berdiri sendiri, sebagai perkataan bebas, atau yang tidak boleh dengan sendirinya berdiri sebagai ayat. Oleh yang demikian, ia digunakan bersama dengan perkataan lain, biasanya di depan golongan nama."*

Gorys Keraf (1991) juga menggunakan istilah kata depan atau preposisi untuk kata sendi nama, yang bertugas merangkaikan kata atau bahagian kalimat. Tempatnya selalu terletak di depan kata.

Manakala Hashim Hj. Musa (1994) menyatakan, *kata sendi nama ialah sejumlah perkataan yang menjadi unsur wajib (bersama-sama dengan frasa nama) dalam frasa sendi. Kehadirannya adalah di hadapan frasa nama.*

Abdullah Hassan dalam buku *Tatabahasa Dinamika* (1994) menggolongkan kata sendi nama dalam golongan kata tugas, iaitu di bawah kata sendi. Kata sendi sentiasa hadir di depan perkataan yang diterangkan olehnya. Itulah sebabnya istilah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lain untuk kata sendi ialah *kata depan.* Kata sendi hanya diikuti oleh kata nama, itulah sebabnya dipanggil *sendi nama.*

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2006) dalam *Tatabahasa Dewan* menyatakan :

> *'kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama. Antara kata-kata sendi nama yang lazim digunakan dalam bahasa Melayu ialah:*
>
> | | | | |
> |---|---|---|---|
> | *dii* | *bagi* | *laksana* | *antara* |
> | *ke* | *demi* | *sejak* | *untuk* |
> | *dari* | *tentang* | *terhadap* | *dengan* |
> | *daripada* | *seperti* | *akan* | *dalam* |
> | *kepada* | *bagai* | *oleh* | *sampai* |
> | *pada* | *umpama* | *hingga* | *kerana* |

1.6.3 Data Korpus

Kamus Dewan Edisi Keempat, mendefinisikan korpus sebagai himpunan makalah (tulisan dan sebagainya) mengenai sesuatu perkara tertentu atau kumpulan bahan untuk kajian (seperti kumpulan contoh penggunaan kata dan lain-lain).

McEnery (2001) dipetik oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2005) menyatakan bahawa linguistik korpus mungkin boleh diterjemahkan untuk ketika ini dalam bahasa mudah sebagai pengkajian bahasa yang berasaskan contoh-contoh 'kehidupan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebenar' penggunaan bahasa. Malah McEnery seterusnya menambah, *"ahli linguistik korpus mengkaji penggunaan sebenar bahasa sementara ahli linguistik lain hanya duduk di meja kopi dan memikirkan ayat-ayat liar dan tidak masuk akal."*

Kenyataan McEnery tidak dipersetujui oleh mereka daripada aliran pemikiran Chomsky(1957), malah mereka menganggap linguistik korpus ini hanyalah urusan metodologi semata-mata. Pendapat ini boleh disanggah dengan melihat bagaimana ahli semantik sendiri pernah menyelesaikan masalah percanggahan makna.

1.6.4 Konkordans

Konkordans ialah himpunan kehadiran sesuatu bentuk kata dengan setiap bentuk kata mempunyai lingkungan teksnya yang tersendiri. (Sinclair 1991: 32). Noresah Baharom (1994: 9) pula mengatakan bahawa konkordans ialah baris petikan penggunaan sesuatu kata daripada sekumpulan data korpus dengan kata yang hendak dikaji diletakkan di tengah-tengah baris. Umumnya, konkordans ialah indeks yang membentuk indeks pengabjadan untuk semua perkataan dalam korpus yang menunjukkan konteks kewujudan sesuatu kata.

Konkordans dapat menyediakan maklumat penting tentang fungsi, bentuk, makna dan konteks penggunaan kata. Melalui konkordans, penyelidik boleh menganalisis sesuatu kata dan memperoleh maklumat, antaranya:

i) maklumat semantik, sintaksis, pragmatik dan stalistik.

ii) maklumat statistik, iaitu frekuensi kewujudan sesuatu kata dalam keseluruhan korpus atau sebahagian korpus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii) penggunaan sesuatu kata dalam konteks yang lebih luas, iaitu dua atau tiga ayat sebelum atau selepas sesuatu ayat yang mengandungi sesuatu kata yang dikaji.

(Noresah Baharom 1993: 64)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Bab ini membicarakan kajian literatur yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji oleh pengkaji. Kajian literatur ini boleh dimanfaatkan bagi melaksanakan kajian tentang perbandingan pola penggunaan, khususnya persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'* mengikut ahli-ahli tatabahasa yang dipilih, iaitu Nik Safiah Karim dan rakan-rakan, berbanding penggunaannya dalam kalangan masyarakat, melalui dapatan-dapatan daripada data korpus DBP. Rujukan dilakukan terhadap beberapa beberapa kajian lalu tentang kata sendi nama atau kesalahan / kesilapan penggunaan kata sendi nama oleh beberapa orang pengkaji bahasa. Pengkaji menggunakan kajian literatur tempatan dan literatur Barat sebagai panduan kajian.

2.1 Pengenalan

Pada awalnya analisis kesalahan bahasa lahir daripada hasil penyelidikan Chomsky (1975), dan pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh guru-guru bahasa. Jamilah Mohd Ali, dipetik oleh Ismail Jusoh, (1994:33) mengatakan pada ketika itu, kepentingan analisis kesalahan bahasa tidak begitu ditekankan dalam proses pembelajaran bahasa. Namun, apabila tersiarnya tulisan tentang analisis kesalahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa dalam buku *The Significance of Learner's Errors* oleh Corder (1967), bidang ini dilihat semakin menjadi penting.

Robert Lado (1957) telah menulis satu rencana yang bertajuk *Linguistic Across Culture,* yang menyentuh tentang kesilapan bahasa. C.C. Fries (1975) pula telah menulis sebuah buku yang bertajuk *Teaching and Learning of English as a Foreign Language* yang juga menyentuh tentang kesilapan bahasa. Mereka berpendapat bahawa analisis kontrastif dapat membantu pengajaran bahasa kedua sebab mengikut mereka, analisis kontrastif dapat meramalkan kesusahan yang akan pelajar hadapi ketika pembelajaran bahasa kedua. Kajian kesusahan ini dapat dilakukan dengan membandingkan bahasa ibunda dengan bahasa kedua yang dipelajari oleh pelajar.

Awang Mohamed Amin (1982:37) yang memetik pendapat Brown (1980) menyatakan bahawa kesalahan bahasa boleh berlaku sama ada oleh pengguna bahasa pertama atau bahasa kedua. Bagi Brown, kesalahan bahasa pertama tidak disebabkan oleh kurangnya '*competence'* pengguna itu dalam maknanya seperti yang terdapat dalam imbuhan, frasa, klausa dan ayat bahasanya, tetapi disebabkan oleh penglahiran bunyi bahasanya iaitu *'perfomance'* yang merujuk kepada penggunaan perkataan, imbuhan, frasa, klausa dan ayat.

Corder (1981) pula mendefinisikan kesilapan bahasa sebagai bentuk-bentuk pertuturan dan kesilapan ini meliputi semua aspek bahasa seperti tatabahasa, ejaan, sebutan, penggunaan perkataan, istilah dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut French (1949), seperti yang dipetik oleh Raminah Hj. Sabran dalam Azman Wan Chik (1982), ada tiga perkara yang menyebabkan kesilapan bahasa berlaku, iaitu:

a) kesilapan perbendaharaan kata yang disebabkan ketidaktahuan atau kerana keliru makna.

b) Bentuk-bentuk yang betul tetapi digunakan secara salah.

c) Penggunaan logik dan fikiran dalam menentukan perkataan atau bentuk terutamanya untuk memutuskan sesuatu yang menjadi kekeliruan kerana pengaruh bahasa ibundanya.

Wilkins (1972) beranggapan bahawa menganalisis kesilapan yang telah dilakukan oleh pelajar-pelajar adalah sesuatu yang berfaedah. Mengikut beliau lagi perlakuan bahasa kedua oleh pelajar-pelajar pada masa akan datang dijangkakan mempunyai hubungan yang erat dengan perlakuan bahasa mereka pada masa sebelumnya.

Azman Wan Chik (1982:178) yang memetik pendapat Bouton mengatakan bahawa kesilapan yang tidak dapat dielakkan berlaku sewaktu pembelajaran bahasa adalah kerana keadaan bahasa yang tidak *semitrical* walaupun sebahagian daripadanya adalah sistematik dan kerana ketidakmungkinan mengajar 'seluruhnya' mengenai sesuatu bahasa itu. Beliau melihat analisis kesilapan sebagai sesuatu hal yang sukar tetapi ia merupakan suatu alat yang penting untuk melihat proses mekanisme dalam penguasaan bahasa iaitu proses *'penerimaan'*, *'asimilasi'* dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

'pengeluaran'. Dalam kajiannya beliau membandingkan kesilapan-kesilapan yang dibuat oleh pelajar-pelajar yang datang dari latar belakang bahasa yang berbagai-bagai di peringkat awal, *'automatic'* dan kemudiannya di peringkat yang lebih kreatif iaitu *'penglibatan kendiri'*.

Berdasarkan pandangan ahli-ahli linguistik di atas, dapatlah disimpulkan bahawa analisis kesalahan bahasa kini menjadi semakin popular, baik untuk kajian empirikal, mahupun kajian yang bercorak teoritikal. Disiplin analisis kesalahan bahasa ini telah bermula di Eropah. Dari rantau itu, disiplin ini telah berkembang ke Amerika Syarikat sehingga membolehkannya muncul sebagai satu bidang kajian yang sangat penting.

Di Malaysia pula bidang analisis kesalahan bahasa mula berkembang apabila ramai pengkaji bahasa yang berminat menggunakan analisis kesalahan sebagai satu teori dan kaedah dalam pembelajaran bahasa.

2.2 Kajian Di Dalam Negara

Terdapat banyak kajian terhadap penggunaan kata sendi nama dalam kalangan penggunanya, sama ada dalam kalangan pelajar, orang awam, mahupun dalam bidang pentadbiran. Bidang kesalahan bahasa yang dikaji adalah merangkumi kesalahan morfologi, penggunaan kata, kesalahan sintaksis dan lain-lain.

Meskipun terdapat kajian yang bukan khusus pada penggunaan kata sendi nama, namun biasanya kajian tentang kesilapan bahasa atau kesalahan sintaksis turut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengkaji penggunaan kata sendi nama, kerana penggunaan yang tidak betul menyebabkan berlaku kesalahan ayat atau sintaksis dan dengan itu wujudlah kesilapan bahasa.

Abdul Hamid Mahmood, dalam Abdullah Hassan, et. Al, (1989 : 286 - 317) telah menjalankan kajian tentang frasa dan ayat. Kajian ini telah dilaksanakan dengan membuat pemerhatian terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pentadbiran dan pengurusan, institusi pendidikan, tempat awam dan juga penggunaannya dalam media am. Hasil kajian tersebut, didapati kesalahan yang sering berlaku ialah penggunaan kata sendi nama 'dari' di tempat 'daripada' dan penggunaan 'daripada' di tempat 'pada', kata sendi nama 'di' digunakan untuk masa, orang, binatang dan benda abstrak dan kata sendi nama 'pada' digunakan untuk tempat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajiannya, Murad Mohd. Nor (1973) menyatakan bahawa penguasaan bahasa pelajar-pelajar yang tinggal di bandar dan desa adalah berbeza. Beliau berpendapat, penguasaan bahasa pelajar-pelajar di bandar adalah lebih baik daripada pelajar-pelajar di desa.

Mohamed bin Haron (1965), Abdul Hamid Mahmood (1995), Goh Ong Sing (1961) dan ramai lagi tokoh bahasa membuktikan dalam kajian mereka bahawa kesalahan penggunaan bahasa berlaku dalam kalangan pelbagai peringkat pengguna. Kajian mereka kebanyakannya menumpukan kepada kesalahan bahasa secara umum, iaitu daripada aspek kata dan ayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hashimah Othman (1997 : 66 – 72) dalam kajiannya tentang analisis kesilapan sintaksis bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Thai telah menemukan kesalahan penggunaan kata sendi nama dalam frasa sendi nama dan penggunaan sendi nama sebagai subjek. Kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar tingkatan empat yang berketurunan Thai di Sekolah Menengah Naka, Alor Setar, Kedah. Sebanyak 30 sampel pelajar keturunan Thai telah digunakan oleh pengkaji dalam kajiannya.

Objektif kajian ini adalah untuk melihat kesilapan sintaksis yang dilakukan oleh keturunan Thai serta mencari punca berlakunya kesilapan tersebut. Pengkaji mendapatkan data kajian untuk dianalisis, dengan menggunakan ujian menulis karangan, ujian membetulkan ayat dan kaji selidik.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesalahan penggunaan kata sendi nama dalam frasa sendi nama ialah 15.73 peratus dengan 45 jumlah kesalahan. Manakala kesalahan penggunaan frasa sendi nama sebagai subjek ialah 3.5 peratus dengan 10 jumlah kesalahan.

Kesalahan penggunaan kata sendi nama dalam frasa sendi nama dan penggunaan frasa sendi nama sebagai subjek itu seperti 'ke', 'di', 'dari', 'daripada', 'pada', 'kepada', dan 'oleh'. Contoh kesalahan itu seperti berikut:

1. Saya sudi ditemuramahkan kepada Encik Salim.

   (Sepatutnya: Saya sudi ditemuramah oleh Encik Salim.)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Selepas saya didaftar nama adik, saya membawa adik saya di kantin.

   (Sepatutnya: Selepas saya mendaftar nama adik, saya membawa adik saya ke kantin.)

3. Di sekolah saya telah mengadakan beberapa bidang sukan.

   (Sepatutnya: Sekolah saya telah mengadakan beberapa bidang sukan.)

Izani Hj. Daud (1996: 418 – 427) turut menjalankan satu kajian yang bertajuk *Kesalahan Penggunaan Sendi Nama 'di' dalam Pemelajaran Bahasa Melayu : Satu Kajian Kes.* Kajian ini bertujuan untuk melihat penggunaan kata sendi nama dalam kalangan pelajar, mengenal pasti kesilapan penggunaannya, mencari punca kesilapan, mencadangkan strategi dan cara untuk membetulkannya, serta membuat rumusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sampel yang terlibat dalam kajian ini berjumlah 30 orang, iaitu 11 orang lelaki dan 19 orang perempuan. Sampel ini ialah pelajar dari sebuah sekolah menengah di daerah Kota Bharu, Kelantan. Sampel kajian merupakan anak jati negeri Kelantan. Kajian dilakukan dengan menganalisis penggunaan kata sendi nama 'di' dalam karangan yang ditulis oleh sampel.

Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat banyak kesilapan penggunaan sendi nama 'di' yang dilakukan oleh sampel. Purata kesilapan penggunaan kata sendi nama 'di' ialah 6. Hal ini bermakna bahawa setiap pelajar secara puratanya melakukan 6 kesilapan penggunaan kata sendi nama 'di'. Kesilapan penggunaan kata sendi nama 'di' untuk menggantikan awalan 'di' untuk menggantikan imbuhan awalan 'di' dalam kata kerja pasif merupakan kesilapan yang paling banyak dilakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh pelajar. Kesilapan ini berlaku kerana pelajar tidak dapat membezakan penggunaan kata sendi nama dengan imbuhan. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat membezakan penggunaan kata sendi nama 'di' dengan imbuhan awalan 'di' yang membentuk kata kerja pasif. Dengan itu 'di' ditulis secara terpisah dengan kata kerja pasif yang dianggap sebagai kata sendi nama.

Lung Sai Mei (1991 : 32 – 52) memperolehi dapatan daripada kajiannya tentang kesalahan penggunaan kata sendi nama dalam kalangan pelajar Cina tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Besar, Tampin. Sampel yang terlibat dalam kajian tersebut ialah sebanyak 60 orang pelajar Cina tingkatan dua, dari dua aliran, iaitu aliran perdagangan dan amali. Objektif kajian ini ialah:

1. Mendapatkan maklumat tentang jenis kesalahan dan pengabaian penggunaan kata sendi nama yang dilakukan oleh pelajar Cina dan kekerapan berlakunya setiap jenis kesalahan.

2. Mengenal pasti kata sendi nama yang kerap menimbulkan masalah kepada pelajar tersebut.

3. Melihat sama ada terdapat pengaruh yang signifikan antara darjah kecerdasan dengan kekerapan kesalahan dan pengabaian penggunaan kata sendi nama.

4. Melihat sama ada terdapat pengaruh yang signifikan antara latar belakang pendidikan pelajar dengan kekerapan dan pengabaian penggunaan kata sendi nama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Melihat sama ada terdapat pengaruh yang signifikan antara aliran kelas pelajar dengan kekerapan kesalahan dan pengabaian penggunaan kata sendi nama.

Bagi melaksanakan kajian ini, alat kajian yang digunakan ialah Soal Selidik dan Ujian Pencapaian. Ujian Pencapaian tersebut terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A memerlukan pelajar mengisi tempat kosong dengan kata sendi nama, manakala bahagian B pula memerlukan pelajar membina ayat berpandukan gambar dengan perkataan yang diberi.

Data yang telah diperoleh telah dianalisis sejajar dengan objektif kajian. Hasil dapatannya seperti berikut:

Tahap penguasaan penggunaan kata sendi nama dalam kalangan pelajar Cina secara keseluruhannya ialah 43.6 peratus. Tahap penguasaan ini tidak memuaskan kerana secara puratanya kesemua subjek kajian mendapat markat yang kurang daripada 50 peratus daripada markat penuh. Kata sendi nama yang mencatat kesalahan paling tinggi dilakukan ialah 'akan' dan 'bagi' yang masing-masing mencatat 90 peratus kesalahan. Ini diikuti oleh kata-kata sendi nama yang lain, iaitu 'antara' 85 peratus, 'hingga' 83 peratus, 'sampai' 78.3 peratus, 'tentang' 66.67 peratus, 'terhadap' 64.17 peratus, 'dari', 'dengan', 'sejak' 53.33 peratus, 'kepada' 46.7 peratus, 'di' *30.83 peratus, 'ke' 25 peratus, 'pada' 4.17 peratus, dan kesalahan yang paling rendah ialah kata sendi nama 'oleh' yang mencatat 3.33 peratus kesalahan.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jais Sahok (1990 : 198 – 200) dalam kajiannya bertajuk *Tinjauan Kesalahan Penggunaan Bahasa Di Kalangan Pelajar,*turut menemukan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar tentang penggunaan kata sendi nama. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar, menganalisis kesalahan dan membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Sebanyak 95 sampel telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Sampel berkenaan terdiri daripada pelajar dari tiga buah kelas tingkatan enam rendah, Sekolah Menengah Kerajaan Datuk Patinggi Haji Abdul Gapor, Stampin. Semua sampel yang terlibat dipilih secara rawak mudah.

Kajian ini dilaksanakan dengan meminta para pelajar menulis sebuah karangan yang bertajuk *Hak Pengguna Di Sisi Undang-undang,* yang panjangnya lebih kurang 600 patah perkataan. Daripada karangan tersebut, pengkaji telah menganalisis kesalahan penggunaan bahasa yang dilakukan oleh sampel. Satu daripada aspek kesalahan penggunaan bahasa yang dilihat ialah kesalahan penggunaan kata sendi nama.

Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar telah melakukan kesilapan tentang penggunaan kata sendi nama. Antara kesilapan yang dilakukan oleh pelajar berkenaan ialah:

1. penggunaan kata sendi nama ‘di’ yang ditulis sebagai imbuhan awalan ‘di’ bagi kata nama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Kata sendi nama 'di' digunakan bersama dengan perkataan dalam yang sudahpun menggunakan kata sendi nama.

3. Kata sendi nama 'di' digunakan dengan kata nama yang menunjukkan waktu atau menandakan keterangan waktu.

4. Kata sendi nama 'daripada' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan arah, tempat atau waktu.

5. Kata sendi nama 'dari' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan manusia, unsur, abstrak, perbandingan, sumber atau asal kejadian sesuatu benda , sebahagian daripada semua dan perbezaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6. Kata sendi nama 'akan' disingkatkan menjadi 'kan' lalu diimbuhkan seolah-olah imbuhan akhiran pada kata adjektif.

Awang Mohd. Amin (1982 : 51 – 74) mengkaji penguasaan bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah dengan menggunakan sampel yang berjumlah 120 subjek yang diambil secara rawak mengikut susunan lapis daripada populasi 908 pelajar Melayu tingkatan empat di empat buah sekolah menengah. Sekolah yang terlibat ialah Sekolah Aminuddin Baki dan Sekolah Menengah Kebangsaan Petaling di Wilayah Persekutuan, Sekolah Menengah Seri Tanjung dan Sekolah Menengah batang Berjuntai di Selangor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan pada tahun 1984 ini telah dilaksanakan dengan mengadakan ujian awal, ujian akhir dan soal selidik terhadap sampel yang dikaji. Dalam kedua-dua ujian ini sampel dikehendaki menulis karangan. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa kekerapan kesilapan penggunaan kata sendi nama menduduki tempat kedua berbanding kesilapan penggunaan kata-kata lain seperti kesilapan penggunaan imbuhan, kesilapan penggunaan kata ganda dan kesilapan penggunaan beberapa kata lain. Kesilapan penggunaan kata sendi nama bagi 120 subjek ialah 237 dan purata kekerapan kesilapan bagi tiap-tiap pelajar ialah 1.97 atau 1.3 peratus berdasarkan had perkataan dalam karangan pelajar.

Dahnil Adnani dalamAbdullah Hassan et.al (1989 : 248 – 285) melakukan kajian yang bertujuan menganalisis pelbagai jenis kesalahan ayat yang dilakukan dalam tiga buah kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar akademik yang bertaraf kebangsaan. Antara ketiga-tiga kertas kerja berkenaan, yang pertama membincangkan pengajaran sastera, yang kedua membincangkan kesusasteraan dan Sejarah Melayu dan yang ketiga membincangkan suatu aspek lain sejarah Tanah Melayu. Daripada dapatan kajian tersebut, terdapat kesalahan penggunaan kata sendi nama seperti berikut:

1. Kata sendi nama yang tidak serasi telah digunakan, contohnya:

   i. ...berdasarkan dari....

      (sepatutnya: ...berdasarkan....)

   ii. ...didedahkan dengan....

      (sepatutnya: ...didedahkan kepada....)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Penambahan kata sendi nama yang tidak diperlukan, contohnya:

   i. ...menyetujui dengan tindakan demikian....

      (sepatutnya: ...menyetujui tindakan demikian....)

   ii. ...bergerak bebas untuk ke mana-mana....

      (sepatutnya: ...bergerak bebas ke mana-mana....)

3. Ketiadaan kata sendi nama yang diperlukan, contohnya:

   i. ...disalahkan pelajar....

      (sepatutnya: ...disalahkan kepada pelajar....)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian berkaitan yang dibuat, dapat disimpulkan bahawa terdapat pelbagai kesalahan tentang penggunaan kata sendi nama dalam kalangan pengguna bahasa Melayu. Antara kata sendi nama yang kerap berlaku kesalahannya ialah kata sendi nama *'di'*, *'ke'*, *'dari'*, *'daripada'*, *'kepada'*, *'pada'*, dan *'dalam'*.

Kesalahan penggunaan kata sendi nama berlaku apabila kata sendi nama *'di'* digunakan sebagai imbuhan bagi kata nama, begitu juga dengan kata sendi nama *'ke'*. Kata sendi nama *'dari'* dan *'daripada'*, *'ke'* dan *'kepada'* , juga *'ke'* dan *'pada'* pula digunakan dengan bertukar fungsi, iaitu sepatutnya digunakan kata sendi nama *'dari'*, tetapi digunakan *'daripada'* dan begitu juga sebaliknya. Manakala sepatutnya *'ke'*, tetapi digunakan *'kepada'*. Terdapat juga kata sendi nama *'di'* dan *'dalam'*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digunakan serentak menjadi *'di dalam'* dalam satu ayat, sedangkan kedua-duanya adalah kata sendi nama yang sepatutnya digunakan *'dalam'* sahaja.

Semua kesalahan atau kesilapan penggunaan kata sendi nama ini dapat diatasi sekiranya pengguna bahasa Melayu lebih berhati-hati dan prihatin tentang tatabahasa bahasa Melayu, di samping sanggup pula mengubah fahaman yang sedia ada tentang tatabahasa bahasa Melayu yang digunakan. Pengguna bahasa juga sewajarnya sentiasa mengambil tahu tentang perkembangan bahasa supaya bahasa yang digunakan sama ada pertuturan atau penulisan betul dan tepat.

2.3 Kajian Di Luar Negara

Kesalahan-kesalahan tatabahasa dan penggunaan kata memang telah lama dilakukan di negara-negara yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama seperti di England dan Amerika Syarikat. Perkara ini perlu dikaji dan dapatannya dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Beberapa kajian telah dilakukan oleh pakar-pakar bahasa, antaranya ialah kajian yang dibuat oleh Richards (1977), yang dimuatkan dalam artikelnya yang bertajuk *Error Analysis.* Bell (1981) dalam bukunya *An Introduction to Applied Linguistics* juga membuat kajian dalam bidang yang sama.

Pengkaji-pengkaji luar negara banyak menumpukan kajian ke atas aspek kesalahan-kesalahan bahasa yang dilakukan oleh golongan pelajar. Kajian ini muncul sebagai satu disiplin yang penting dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa. Antara pengkaji yang terkenal dengan kajian kesalahan bahasa, khususnya di negara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

barat ialah Ray (1963), Corder (1973 – 74), Schacter (1974), Brown H.D (1980), Wyatt (1973) dan Sharma (1981).

Coehegan (1934) telah membuat kajian tentang kesalahan-kesalahan bahasa dalam penulisan karangan dan surat-surat kiriman. Kajiannya dikhususkan kepada aspek ejaan, tanda baca, penggunaan imbuhan, penggunaan frasa dan partikal, klausa serta kesalahan ayat. Dalam kajiannya itu beliau mendapati bahawa kesalahan bahasa yang berkaitan tanda bacaan merupakan kesalahan yang kerap berlaku, iaitu sebanyak 40.1 peratus, manakala 59 peratus lagi adalah kesalahan dalam aspek bahasa yang lain. (Asiah Ramli, dipetik oleh Ismail Jusoh, 1994 : 20).

Ray (1963) dalam kajiannya tentang penggunaan bahasa, berpendapat berlakunya kesalahan penggunaan bahasa adalah disebabkan adanya penggunaan aspek-aspek bahasa yang tidak sempurna seperti aspek fonologi, morfologi dan sintaksis. Penggunaan aspek-aspek tersebut kebanyakannya menjadi hukum atau peraturan tatabahasa yang telah ditetapkan oleh sesuatu bahasa.

Corder (1973) menyatakan dalam mempelajari bahasa, seseorang pelajar itu tidak dapat lari daripada melakukan kesalahan. Kesalahan yang dilakukan itu pula kadang-kala tidak ketara. Pendapat Corder ini dipersetujui oleh Brown H.D. (1980) yang merumuskan bahawa pelajar bahasa ada melakukan kesalahan.

Corder (1973) dalam kajiannya tentang kesalahan-kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar telah menghuraikan sebab berlakunya kesalahan bahasa itu. Antara sebab-sebab yang diberikan ialah terdapat banyak peraturan yang ada pada sesuatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa, sama ada yang formal atau tidak formal. Pengaruh dialek juga merupakan punca berlakunya kesalahan dalam penggunaan bahasa.

Tsan Sui Huang (1974) telah meninjau kekerapan kesalahan pelajar-pelajar Cina dalam mempelajari bahasa Inggeris. Beliau menumpukan perhatian yang khusus kepada kesalahan yang dilakukan dalam penggolongan kata yang tepat. Beliau mendapati 75 peratus daripada kesalahan adalah kesalahan penggunaan kata kerja, artikel, nama, dan sendi. 80 peratus daripada kesalahan penggunaan kata kerja adalah kesalahan *'tense'*, *'form of verbs'* dan kesesuaian antara subjek dan *'verb'*.

Fox (1977) pula telah membuat satu analisis kesalahan tentang perbendaharaan kata 40 orang pelajar yang mengikuti kursus *English as A Second Language.* Hasil kajiannya menunjukkan bahawa 40 peratus daripada kesalahan yang dilakukan oleh pelajar adalah kesalahan menggunakan sendi nama, 18 peratus kesalahan penggunaan imbuhan dan pembentukan perkataan, 9 peratus kesalahan menggunakan *complement* , dan 7 peratus kesalahan penggunaan perbendaharaan kata.

Kajian juga dilakukan oleh Maimon dan Nodine (1978) tentang kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar-pelajar yang baru memasuki kolej di Philadelphia untuk meninjau jenis-jenis kesalahan sintaksis yang dilakukan oleh mereka. Hasil kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa pelajar-pelajar melakukan kesalahan *'subject-verb agreement'*, *'misplace modifiers'*, *'fragment'*, *'vague'*, *'pronoun refrence'*, *'faulty parrallelism'*, *'comma'*, dan *'run-on sentences'*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Konsep dan Huraian Tentang Kata Sendi Nama 'Pada' dan 'Kepada'

Konsep kata sendi nama *pada* dan *kepada* mempunyai persamaan dan perbezaan dalam kalangan ahli bahasa. Walau bagaimanapun perbezaan ini tidak menjejaskan fungsi, struktur serta makna kata sendi nama tersebut pada pemahaman umum.

2.4.1 Huraian Nik Safiah Karim et.al.

Nik Safiah karim et.al (2006: 259) menyatakan bahawa kata sendi nama *pada* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menunjukkan keterangan waktu dan tempat, digunakan dalam ungkapan *ada* + *pada* (manusia dan haiwan) dalam beberapa situasi tertentu, seperti yang berikut:

(a) *menunjukkan keterangan waktu* apabila mendahului kata nama yang menyatakan waktu atau masa. Contohnya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Bas kami bertolak *pada* pukul tujuh pagi.
2. Seminar itu bermula *pada* hari ini.
3. *Pada* waktu itu ibu bapanya tiada di rumah.
4. Pemergiannya ditetapkan *pada* akhir tahun ini.
5. *pada* ketika itu saya sedang tidur.

(b) Kata sendi nama *"pada" apabila didahului perkataan "ada"*, mesti diikuti oleh kata nama yang merujuk manusia atau haiwan.

Contohnya:

6. Wang itu ada *pada* ibu.
7. Kekuatan itu ada *pada* beberapa orang pahlawan sahaja.
8. Sifat jujur dan amanah ada *pada*nya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

9. Jam itu ada *pada* kakak Ali.

10. Naluri mengawan ada *pada* semua binatang.

(c) Sebagai perkataan yang terletak di hadapan *kata nama yang menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kata kerja.* Contohnya:

11. Bagi acara palang, ahli gimnastik itu perlu berpaut *pada* palang besi dengan kuatnya.

12. Kaki lembu itu digantung *pada* cangkuk besi.

13. Layang-layang itu tersangkut *pada* tiang telefon.

14. Tuliskan nama *pada* kertas ini.

15. Pemberitahuan itu ditampal *pada* papan kenyataan.

16. Pilihan yang kena *pada* tempatnya akan membawa kebahagiaan.

17. *Pada* waktu perintah berkurung, pergerakan mereka terhad *pada* kawasan itu sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kata sendi nama *pada* tidak boleh digunakan di hadapan kata nama yang membawa maksud sasaran, seperti dalam contoh-contoh berikut:

18. Surat ini hendak dikirim *kepada* siapa?

    (bukan: Surat ini hendak dikirim *pada* siapa?)

19. Serahkan bungkusan itu *kepada* pegawai kastam.

    (bukan: Serahkan bungkusan itu *pada* pegawai kastam.)

20. Berikan wangmu *kepada*ku.

    (bukan: Berikan wangmu *pada*ku.)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

21. Kemalangan itu perlu dilaporkan *kepada* polis.

    (bukan: Kemalangan itu perlu dilaporkan *pada* polis.)

22. Berdoalah *kepada* yang Maha Esa.

    (bukan: Berdoalah *pada* yang Maha Esa.)

Sebagai hasil perkembangan bahasa Melayu, kata sendi nama *pada* digunakan juga dalam bentuk-bentuk ungkapan seperti yang berikut:

23. *Pada* saya kejayaan yang dicapainya itu cukup memuaskan.
24. *Pada* pendapatnya persatuan kami harus dibubarkan.
25. Kisah itu hanyalah khayalan *pada* pandangan saya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kata sendi nama *kepada* terletak di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menyatakan sasaran merujuk manusia, haiwan, unsur mujarad, menyatakan pecahan dan menyatakan perubahaan keadaan.

a. menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan, dan unsur mujarad. Contohnya:

    1. Sila kembalikan borang itu *kepada* kerani pejabat ini.

       (bukan: Sila kembalikan borang itu *ke* kerani pejabat ini.)

    2. Sisa makanan itu diberikan *kepada* kucing.

       (bukan: Sisa makanan itu diberikan *ke* kucing.)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Ali mengirim surat *kepada* abang.

   (bukan: Ali mengirim surat *ke* abang.)

4. Ia memberitahu berita itu *kepada* orang tuanya.

   (bukan: Ia memberitahu berita itu *ke* orang tuanya.)

5. Rumput yang terkumpul itu segera diberikan *kepada* lembunya.

   (bukan: Rumput yang terkumpul itu segera diberikan *ke* lembunya.)

6. Pastikan anak-anak anda tidak terdedah *kepada* bahaya dadah.

   (bukan: Pastikan anak-anak anda tidak terdedah *ke* bahaya dadah.)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun demikian, kata sendi nama *kepada* boleh juga digunakan di hadapan kata nama yang merujuk institusi yang ada kaitan dengan manusia. Contohnya:

1. Ibu bapa telah menghantar surat bantahan *kepada* sekolah tersebut.
2. Dewan Bahasa dan Pustaka telah menghadiahkan buku bacaan *kepada* beberapa buah perpustakaan sekolah.
3. Surat itu hendaklah dihantar *kepada* Kementerian Pendidikan dengan segera.

a. *menyatakan pecahan*. Contohnya:

   1. Peserta bengkel itu dibahagikan *kepada* dua kumpulan.
   2. Waktu persekolahan dipecahkan *kepada* sesi pagi dan sesi petang.
   3. Bermula dari tahun ini pengajian universiti itu dipecahkan *kepada* dua semester.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Suhu yang sangat tinggi sahaja yang dapat menguraikan air *kepada* juzuk-juzuknya dengan cara fizik yang mudah.

b. *menyatakan perubahan keadaan.* Contohnya:

1. Suhu badannya meningkat *kepada* 39 darjah Celcius.
2. Keadaan ekonomi berubah *kepada* tahap yang lebih baik.
3. Harga pasaran saham menurun *kepada* paras yang membimbangkan.

Kata sendi nama *kepada* sering digunakan untuk berpadanan dengan kata sendi nama *daripada,* seperti dalam contoh-contoh berikut:

daripada Aminah *kepada* Salmah

daripada ayah *kepada* ibu

daripada 37 darjah Celcius *kepada* 38 darjah Celcius

daripada tahap sederhana *kepada* tahap memuaskan

daripada warna biru muda *kepada* warna biru tua

Walau bagaimanapun, penggunaannya yang merujuk tempat seperti yang berikut tidak betul:

* daripada batang *kepada* dahan

(seharusnya: dari batang *ke* dahan)

* daripada sebuah rumah *kepada* sebuah rumah

(seharusnya: dari sebuah rumah *ke* sebuah rumah)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

* daripada Johor *kepada* Perak

(seharusnya: dari Johor *ke* Perak)

* daripada sawah *kepada* bendang

(seharusnya: dari sawah *ke* bendang)

2.4.2 Huraian Za'ba

Za'ba dalam buku Pelita Bahasa Melayu Penggal 1 (1964: 88) memasukkan kata sendi nama ke dalam golongan *sendi*, dengan mengatakan bahawa *sendi* adalah segala perkataan yang terpakai bagi menunjukkan persangkutan di antara satu perkataan dengan lain perkataan atau bagi menyambungkan satu bahagian cakap atau ayat dengan lainnya. Misalan ayat yang diberikan oleh Za'ba:

(1) Rumah saya *di* atas bukit,

(2) Dia datang *dari* Pulau Pinang,

(3) Saya pergi *dengan* abang saya,

maka perkataan '*di, dari, dengan'* itu menunjukkan persangkutan di antara perkataan "nama" yang kemudian daripadanya itu (atas, Pulau Pinang, abang) dengan perkataan lain dalam masing-masing ayat itu iaitu "rumah", "datang" dan "pergi".

Jika tiada dipakai *'di, dari,dengan'* itu, tiadalah nyata persangkutan ini. Sebab itu *"di, dari, dengan"* ini ialah sendi. Sendi yang menunjukkan persangkutan itu sentiasa terpakai dengan nama sahaja kemudian daripadanya, dan oleh sebab itu dinamakan dia *"sendi nama"*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Kerjanya dikatakan 'menguncikan' nama yang mengiringinya itu dan nama itu digelarkan 'penyambut' kepadanya. Lain-lain misal sendi nama ialah: *ke, **pada**, daripada, **kepada**, oleh, akan, bagi, serta, seperti, kerana,* dan lain-lain lagi.

(Zainal Abidin Bin Ahmad: 1964: 89)

2.4.3 Huraian Asmah Hj. Omar

Asmah Hj. Omar dalam buku Nahu Melayu Mutakhir (edisi baru) (1986) mengkelompokkan kata sendi nama dalam kelompok *kata depan.* Kata depan berfungsi dalam *frasa preposisi,* yakni frasa yang unsur pertamanya ialah kata depan, sedangkan unsur berikutnya boleh terdiri dari kata sempurna. Frasa preposisi ini berfungsi dalam ayat sebagai adverba.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Asmah membahagikan kata adverba kepada beberapa subgolongan kata depan, antaranya, ialah kata depan tempat, kata depan arah,kata depan waktu, kata depan perhinggaan, kata depan penyertaan, kata depan alat, kata depan gaya, kata depan manfaat, kata depan agentif, kata depan ligatur, kata depan kiasan, kata depan penafian dan kata depan pengecualian.

Asmah mengkategorikan *pada* kepada beberapa dua kategori, iaitu:

i). <u>kata depan tempat.</u>

Kata depan ini berfungsi dalam adverba tempat, yang terdapat sebelum kata nama manusia, misalnya, <u>*pada* *dia*</u>, <u>*pada* *saya*</u>, dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii). kata depan waktu.

Kata depan ini digunakan untuk menunjukkan detik-detik waktu tertentu, misalnya,

pada pukul 2.00 petang, pada malam hari, pada tahun 1979, pada masa itu.

Kata depan *kepada* pula dikategorikan kepada dua kategori, iaitu:

i). kata depan arah

Kata depan arah adalah kata depan yang berfungsi dalam adverba arah, yang boleh dibahagikan kepada tiga subgolongan, iaitu: *permulaan arah, laluan arah dan tumpuan arah.* Kata depan *kepada* merupakan kata depan tumpuan arah, yang menunjukkan titik atau tempat yang ditumpu oleh gerak perbuatan yang berkenaan. Misalnya:-

a) Dia berlari *kepada* emaknya.
b) Dia menuju pandangan *kepada* gurunya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii). kata depan manfaat

Kata depan manfaat adalah kata depan yang berfungsi dalam adverba manfaat, misalnya, *(diberi) kepada dia.*

Kepada, di samping berfungsi dalam adverba manfaat, juga berfungsi dalam adverba arah dan terbatas kepada lingkungan kata nama bernyawa dan institusi.

Misalnya:-

a) Dia memberi hadiah itu *kepada* kawannya.
b) Derma itu diserahkan *kepada* sekolahnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.4 Huraian Arbak Othman

Arbak Othman dalam buku Tatabahasa Bahasa Malaysia (1981: 168) memasukkan kata sendi nama dalam kelompok *kata depan.* Mengikut Arbak Othman, *kata depan* adalah perkataan yang tidak sempurna dengan erti kata ia tidak dapat berdiri sebagai perkataan bebas, atau yang tidak boleh dengan sendirinya berdiri sebagai sebuah ayat. Oleh yang demikian, ia digunakan bersama-sama dengan perkataan lain, biasanya di depan perkataan golongan nama, seperti *di* rumah, *di* laut, *ke* rumah, *ke* laut, *ke* ladang, *dari* rumah, *dari* sawah, *dari* sana, *dari* Mekah, *daripada* besi, *pada* Ali, *kepada*nya, *terhadap* ibu dan sebagainya.

Berdasarkan bentuknya pula, Arbak mengkategorikan kata depan *'pada'* dan *'kepada'* dalam kelompok kata depan *tulen*, yakni perkataan yang menghantar perkataan nama untuk menerbitkan rangkai kata depan .

Kata depan *'pada'*dipakai apabila :

A. 1. ia diikuti oleh ganti nama orang (diri), baik ganti nama sebenarnya atau bentuk lain dari ganti nama orang. Misalnya:

Pada saya, *pada* ibu, *pada* kamu, *pada*ku, *pada*nya, *pada* pak cik dan sebagainya,

dan bukan:

di saya, *di* ibu, *di* kamu dan lain-lain lagi.

Contoh ayat:

1. Wang itu ada *pada* ibu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. *Pada* kamu, perkataan itu tidak bagus.

3. Mereka menyerahkan wang mereka (*ke*) *pada* saya semalam.

Arbak Othman berpendapat, kata depan *pada* dengan tingkah laku di atas merupakan kependekan daripada kata depan *kepada*, kerana contoh-contoh di atas boleh juga dipakai sebagai *kepada saya, kepada ibu, kepada kamu,* dan sebagainya. Perkataan *pada* dalam ayat 3 jelas dapat saling berganti dengan *kepada*, walaupun dalam ayat 1 dan 2 tidak boleh. Contoh-contoh lain adalah:

bertanya *pada* (kepada) diri sendiri

diberitahu *pada* (kepada ibunya

memberitahu hal itu *pada* (kepada) kekasihnya

2. ia diikuti atau bersetentang dengan nama abstrak (mujarad). Misalnya:
Pada pendapat saya, *pada* hemat saya, *pada* fikirannya, *pada* hakikatnya, *pada* Umumnya, *pada* kelazimannya dan sebagainya.

3. ia terjadi di depan nama yang menyatakan waktu, lantaran berfungsi sebagai keterangan waktu. Misalnya:
pada hari Isnin, *pada* bulan puasa, *pada* malam ini, *pada* saat itu, *pada* akhir bulan, *pada* abad ke 14 dan sebagainya.

4. ia diikuti oleh nama am konkrit yang tertentu yang menyatakan tempat, sama ada didahului oleh kata bilangan ataupun tidak. Misalnya:
pada sebuah rumah, *pada* pokok itu, *pada* sebatang pohon, *pada* orang itu, *pada* diri sendiri, *pada* sesama makhluk dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

B. Perkataan *pada selain dari* terpakai sebagai kata depan, boleh juga dipakai dengan cara yang tertentu dalam rangkai kata kolokasi yang tertentu pula, iaitu rangkai kata yang tertentu binaannya yang mungkin bercanggah dengan hukum pembentukan yang lazim. Rangkai kata kolokasi yang tertentu binaannya yang mengandungi perkataan *pada* adalah seperti:

pada hal,

dalam pada itu,

pada tentang-tentangnya, dan sebagainya.

Rangkai kata kolokasi dengan *pada* ini biasanya membawa makna kebudayaan yang tertentu sahaja, iaitu menurut keperihalan ianya terpakai dalam ayat-ayat tertentu pula.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kata depan *ke* berubah menjadi *kepada* apabila mendahului ganti nama orang atau mendahului penyambut yang berkepentingan atau yang dirujukkan sebagai penyambut tujuan. Dari segi makna, *kepada* menyatakan 'menuju pada'. Misalnya:

kepada saya, *kepda* orang tuanya, *kepada*ku, *kepada*nya, *kepada*mu, dan sebagainya, seperti dalam ayat-ayat:

1. Buku itu telah dikirimkan *kepada* saya.
2. Abang menunjukkan album gambar hari perkahwinannya *kepada* saya.
3. *Kepada*nya dikembalikan wang hutang ayahnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam gaya bahasa lama, kata depan *kepada* kadang-kadang dipakai (i) untuk menyatakan maksud 'hubungan milik' seperti: hamba *kepada* tuannya, anak *kepada* saya, ayah *kepada*ku, atau (ii) untuk membawa maksud 'dari' seperti: hilang *kepada* penglihatan baginda, timbul *kepada* hal itu dan sebagainya.

Perbezaan pemakaian *pada* dan *kepada* tidak begitu ketara. Kadang-kadang kata depan *ke* pada kata depan majmuk dihilangkan, sehingga *kepada* menjadi *pada*, seperti halnya *di dalam* menjadi *dalam* dan *di antara* menjadi *antara.*

Contohnya dalam ayat ialah:

1. Pesanan itu telah kusampaikan *pada*nya.
2. Dia telah menceritakan hal itu *pada* saya.
3. Perkhabaran yang tidak baik tentang anak perempuannya terpulanglah *pada* Ibu Kahtijah menyelesaikannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Arbak Othman, 1981: 172)

2.4.5 Huraian Abdullah Hassan dan Ainon Mohd

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd dalam buku Tatabahasa Dinamika (1994: 217) memasukkan kata sendi nama dalam kelompok kata tugas, yakni sebagai *kata sendi.* Oleh kerana kata tersebut biasanya hadir di depan perkataan yang diterangkan olehnya, Abdullah Hassan juga menggunakan istilah *kata depan* untuk kata sendi. Menurut beliau lagi, kata sendi hanya diikuti oleh kata nama, dan sebab itulah kata sendi juga dipanggil ***sendi nama***. Dalam bahasa Melayu, kita hanya mempunyai *sendi nama.* kita tidak mempunyai sendi kerja. Oleh itu, kata sendi tidak boleh digunakan bersama-sama kata kerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kata sendi nama boleh jadi dalam bentuk akar dan dalam bentuk terbitan . Abdullah Hassan memasukkan kata sendi nama *'pada'* ke dalam bentuk akar, manakala sendi nama *'kepada'* pula dimasukkan ke dalam bentuk terbitan, iaitu setelah menerima imbuhan atau menjadi kata majmuk.

Contoh- contoh ayat:

1. Dia pergi *pada* hari Isnin.

   (menerangkan masa)

2. Dia menghantar surat *kepada* ketuanya.

   (menerangkan matlamat)

3. Buku itu dibahagikan *kepada* tiga bab.

   (menerangkan pecahan)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

KAEDAH KAJIAN

3.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan hal tentang kaedah kajian. Aspek yang dibicarakan dalam bab ini ialah reka bentuk kajian, sampel kajian, kaedah pengumpulan data kajian, dan kaedah penganalisisan data kajian .

3.1 Reka Bentuk Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan sepenuhnya. Kajian ini lebih bercorak deskriptif kerana pengkaji telah merujuk, mengkaji dan menganalisis bahan-bahan yang berkaitan dengan kata sendi nama, khususnya kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'*. Antara bahan-bahan yang digunakan ialah pelbagai teks tatabahasa, risalah, jurnal, artikal, akhbar dan juga kertas kerja ilmiah yang berkaitan. Teks yang digunakan ialah Tatabahasa Dewan, Nahu Melayu Mutakhir, Tatabahasa Dinamika dan Tatabahasa Bahasa Malaysia. Sebanyak 3,600 data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang mengandungi kata sendi nama *'pada'* dan 3,600 data korpus DBP yang mengandungi kata sendi nama *'kepada'* telah digunakan dan dianalisis dalam usaha membuat perbandingan dengan Teks Tatabahasa Dewan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Kaedah Perpustakaan

Kajian perpustakaan dilakukan dengan melibatkan penggunaan Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya, dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian perpustakaan adalah penting untuk menyediakan maklumat kepada pengkaji. Rujukan yang meluas diperlukan bagi membolehkan kajian terperinci dijalankan. Tujuannya supaya segala aspek berkaitan dalam bidang kajian ini dapat diperjelaskan dengan baik. Bahan-bahan rujukan telah diperoleh daripada pelbagai sumber seperti buku-buku, majalah-majalah, jurnal, dan tesis yang berkaitan dengan kajian ini.

3.3 Pengumpulan Data

Pengumpulan data merupakan proses pengukuran variabel. Pengumpulan data yang sesuai akan membantu pengkaji menjawab permasalahan kajian, strategi penyelidikan, di samping jenis dan kewujudan sumber data. Kaedah yang digunakan untuk membuat perbandingan kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'* ini adalah kaedah kepustakaan yang lebih bercorak deskriptif. Hal ini kerana pengkaji hanya merujuk kepada teks Tatabahasa Dewan, sebagai teks utama, manakala Nahu Melayu Mutakhir, Tatabahasa Dinamika dan Tatabahasa Bahasa Malaysia turut dirujuk. Di samping itu, sumber rujukan lain hasil kajian lalu, umpamanya makalah, buku-buku bahasa, tesis-tesis berkaitan kata sendi nama, dan sebagainya turut digunakan.

Semua teks dikumpul untuk mencatat, merekod, dan menganalisis kata sendi nama bagi mencari kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'*. Di samping itu, pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

turut menganalisis pola penggunaan, bentuk ayat dan persamaan serta perbezaan dengan data-data korpus DBP.

Bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kata sendi nama dan kajian korpus sebelum ini, pengkaji telah ke Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia untuk mendapatkan rujukan dalam bentuk tesis,makalah, mahupun kertas seminar yang berkaitan dengan bahan kajian. Bagi memperoleh maklumat berkaitan dengan korpus pula, pengkaji telah menjana data korpus berkomputer Dewan Bahasa dan Pustaka dengan bantuan pegawai-pegawai di Bahagian Penyelidikan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengumpulan data bermula dengan mendapatkan perkataan yang dikaji melalui data korpus sebagai sumber maklumat bagi melihat penggunaan kata sendi nama. Antara kata sendi nama yang dijana ialah *pada, kepada, untuk, bagi, demi, tentang, hingga* dan *sampai.* Setelah dibuat penelitian, pengkaji memilih kata sendi nama *pada* dan *kepada* untuk dianalisis, seterusnya dibuat perbandingan dengan kata sendi nama tersebut dalam buku Tatabahasa Dewan.

3.4 Sampel Kajian

Dalam kajian ini sebanyak 3,600 data korpus berkaitan kata sendi nama *'pada'* dan 3,600 data korpus kata sendi nama *'kepada'* telah digunakan sebagai sampel kajian. Saiz sampel kajian ini hanya tertumpu kepada dua kata sendi nama sahaja, iaitu *'pada'* dan *'kepada'*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Kaedah Penganalisisan Data Kajian

Kajian menggunakan kaedah penganalisisan yang paling mudah, iaitu mengkaji dan memperihalkan setiap variabel kajian. Penilitian dilakukan terhadap sampel kajian, iaitu kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'*. Sebanyak masing-masing 3,600 sampel kata sendi nama *'pada'* dan 3,600 sampel kata sendi nma *'kepada'* dianalisis bagi melihat pola penggunaannya lalu dibandingkan dengan hukum penggunaannya dalam teks Ttatabahasa Dewan.

Hasil analisis yang menunjukkan kelainan pola penggunaan kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'* dengan Tatabahasa Dewan diasingkan dan dijadikan sampel kajian untuk dibuat perbandingan secara terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Kesimpulan

Keseluruhan bab ini membincangkan kaedah dan kajian-kajian berkaitan kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'*. Dalam bab ini juga dinyatakan prosedur pengumpulan data, prosedur analisis data, dan kesimpulan. Hasil daripada kesemua dalam bab ini digunakan untuk menjawab soalan kajian untuk dapatan kajian dalam bab 4 dan bab 5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan keputusan kajian yang telah dijalankan dan analisis data yang diperlukan. Ulasan yang berkaitan dengan persoalan kajian juga turut dibincangkan dalam bab ini.

Bagi kata sendi nama *'pada'*, sebanyak empat pola penggunaan dalam korpus yang didapati tidak mengikut hukum penggunaan yang ditetapkan oleh Tatabahasa Dewan. Empat hukum penggunaan kata sendi nama *'pada'* yang ditetapkan dalam Tatabahasa Dewan ialah:

a. menunjukkan keterangan waktu,
b. kata sendi nama 'pada' apabila didahului perkataan *"ada"* mesti diikuti oleh kata nama yang merujuk manusia dan haiwan;
c. sebagai perkataan yang terletak di hadapan kata nama yang menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kata kerja;
d. tidak boleh digunakan di hadapan kata nama yang membawa maksud sasaran.

Kata sendi nama *'pada'* yang terdapat dalam korpus, yang tidak mengikut hukum penggunaan seperti yang disarankan oleh Tatabahasa Dewan juga telah dikenal pasti, seterusnya diasingkan untuk dibuat perbandingan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi kata sendi nama *'kepada'*, sebanyak lima pola penggunaannya dalam korpus yang didapati berlainan daripada yang digariskan dalam Tatabahasa Dewan telah dikenal pasti. Lima peraturan penggunaan kata sendi nama *'kepada'* yang ditetapkan dalam Tatabahasa Dewan itu ialah;

a. menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan, dan unsur mujarad.

b. menyatakan pecahan,

c. menyatakan perubahan keadaan,

d. untuk berpadanan dengan kata sendi nama *'daripada'*,

e. penggunaan kata sendi nama *'kepada'* yang merujuk tempat yang tidak betul.

Kata sendi nama *'kepada'* yang terdapat dalam korpus, yang tidak mengikut hukum penggunaan seperti yang disarankan oleh Tatabahasa Dewan telah dikenal pasti, seterusnya diasingkan untuk dibuat perbandingan.

Dalam bab ini juga pengkaji akan membincangkan perbandingan pendapat ahli bahasa dengan dapatan baharu yang diperoleh daripada data korpus. Selain daripada melihat contoh penggunaan kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'* menurut Tatabahasa Dewan, analisis ini juga melihat perbandingan penggunaannya dalam data korpus yang berbeza daripada Tatabahasa Dewan. Berdasarkan dapatan kajian ini, didapati terdapat perbezaan pola penggunaan kata sendi nama *'pada'* dan *'kepada'* dalam data korpus, berbanding dengan cara penggunaan yang digariskan dalam Tatabahasa Dewan, di samping trend penggunaan baharu juga ditemukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dapatan kajian penggunaan kata sendi nama *pada* dan *kepada* melalui korpus ini, pengkaji mendapati bahawa korpus juga mempunyai kewibawaan tersendiri. Hal ini bertepatan dengan pendapat McEnery (2001) dipetik oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2005) yang menyatakan bahawa linguistik korpus mungkin boleh diterjemahkan untuk ketika ini dalam bahasa mudah sebagai pengkajian bahasa yang berasaskan contoh-contoh 'kehidupan sebenar' penggunaan bahasa. 'Kehidupan sebenar' pengguna bahasa pula dapat dilihat pola penggunaannya , antara lain,melalui data korpus berkomputer.

Oleh sebab unit analisis adalah kata, maka perbincangan diasaskan kepada taburan kehadiran kata sendi nama *pada* dan *kepada* melalui konkordans, dalam bentuk ayat seperti yang diperoleh semasa pengumpulan data dan maklumat. Perbandingan dapatan baharu juga akan dilihat. Contoh penggunaan kata sendi nama *pada* dan *kepada* menurut pandangan Tatabahasa Dewan juga akan disenaraikan dalam bahagian ini. Pengumpulan data dalam akhbar-akhbar, majalah-majalah ilmiah (tahun 2006) dan juga buku-buku klasik yang terdapat dalam pangkalan data korpus berkomputer ini telah membawa satu penemuan baharu, apabila terdapat bukti terdapat konkordans kata sendi nama *pada* dan *kepada* yang berbeza daripada kata sendi nama tersebut dalam Tatabahasa Dewan.

4.1 Analisis Kekerapan Penggunaan Kata Sendi Nama *Pada* dan *Kepada* dalam Data Korpus

Berdasarkan penelitian terhadap kata sendi nama *pada* dan *kepada* yang terdapat dalam data korpus berkomputer, pengkaji mendapati kata sendi nama *pada* yang tidak mengikut hukum Tatabahasa Dewan hadir sebanyak 491 kali penggunaannya. Manakala kata sendi nama *kepada* yang tidak mengikut hukum Tatabahasa Dewan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pula terdapat sebanyak **244** kali penggunaannya. Sampel-sampel kata sendi nama *pada* dan *kepada* yang tidak mengikut hukum Tatabahasa Dewan ini digunakan untuk tujuan analisis. Jadual **1** dan **2** di bawah menunjukkan bentuk dan jumlah kekerapan kata sendi nama *pada* dan *kepada* dalam data korpus berkomputer yang tidak mengikut hukum Tatabahasa Dewan.

Jadual 1

Bentuk dan Kekerapan Kata Sendi nama *Pada* yang Tidak Mengikut Hukum Tatabahasa Dewan dalam Data Korpus

BIL.	BENTUK PENGGUNAAN	BILANGAN KONKORDANS	PERATUS (%)
01.	Sebagai Penanda Wacana	39	7.9
02.	Menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan dan unsur mujarad (Fungsi KSN *kepada*)	118	24.0
03.	Menunjukkan tempat (Fungsi KSN di-)	208	42.4
04.	Tidak diikuti oleh Kata Nama	76	15.5
05.	Menunjukkan perubahan keadaan (Fungsi KSN *kepada*)	23	4.7
06.	Menunjukkan pecahan (Fungsi KSN kepada)	27	5.5
	JUMLAH	491	100.0

Berdasarkan jadual 1 di atas, didapati kata sendi nama *pada* yang menggantikan fungsi KSN *di-* yang menunjukkan tempat merupakan bentuk penggunaan yang paling kerap digunakan, iaitu sebanyak 208 baris konkordans bersamaan 42.4%. Kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sendi nama *pada* yang menggantikan fungsi KSN *kepada* untuk menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan dan unsur mujarad pula menduduki tempat kedua kekerapan penggunaan, iaitu sebanyak 118 baris konkordans bersamaan 24.0% . Manakala kata *pada* yang tidak diikuti oleh kata nama pula diwakili oleh 76 baris konkordans bersamaan 15.5%. Seterusnya kata sendi nama *pada* yang berfungsi sebagai penanda wacana pula sebanyak 39 baris konkordans bersamaan 7.9%. Kata sendi nama *pada* yang berfungsi sebagai KSN *kepada* yang menunjukkan pecahan adalah sebanyak 27 baris konkordans bersamaan 5.5%. Bentuk penggunaan kata sendi nama *pada* yang menggantikan fungsi KSN *kepada* untuk menunjukkan perubahan keadaan pula didapati paling sedikit, iaitu sebanyak 23 baris konkordans bersamaan 4.7%.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2

Bentuk dan Kekerapan Kata Sendi nama *Kepada* yang Tidak Mengikut Hukum Tatabahasa Dewan dalam Data Korpus

BIL.	BENTUK PENGGUNAAN	BILANGAN KONKORDANS	PERATUS (%)
01.	Menyatakan sasaran yang bukan merujuk manusia, haiwan dan unsur mujarad	145	59.4
02.	Hadir di hadapan Frasa Kerja	73	29.9
03.	Hadir di hadapan Frasa Adjektif	18	7.4
04.	Hadir di hadapan Kata Nama yang merujuk institusi yang tidak ada kaitan dengan manusia	8	3.3
	JUMLAH	244	100.0

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual 2 di atas, didapati kata sendi nama *kepada* yang menyatakan sasaran yang bukan merujuk manusia, haiwan dan unsur mujarad merupakan bentuk penggunaan yang paling banyak, iaitu sebanyak 145 baris konkordans bersamaan 59.4%. Kata sendi nama *kepada* yang hadir di hadapan frasa kerja pula sebanyak 73 baris konkordans bersamaan 29.9%. Manakala kata sendi nama *kepada* yang hadir di hadapan frasa adjektif pula menduduki tempat ketiga dengan 18 baris konkordans bersamaan 7.4%. Bentuk penggunaan yang paling sedikit didapati adalah kata sendi nama *kepada* yang merujuk institusi yang tidak ada kaitan dengan manusia, iaitu 8 baris konkordans bersamaan 3.3%.

Berdasarkan kepada analisis kedua-dua jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa pengumpulan data dalam akhbar, majalah ilmiah dan buku-buku klasik dalam pangkalan data korpus berkomputer boleh dijadikan cara untuk menemukan dapatan baharu yang berbeza dengan penggunaan yang digariskan oleh Tatabahasa Dewan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Perbandingan Dapatan Baharu Dengan Tatabahasa Dewan

Dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian lepas sememangnya mempunyai perbezaan yang tersendiri. Hal ini kerana ahli-ahli bahasa mempunyai pegangan tersendiri mengenai tatabahasa. Kata sendi nama *pada* dan *kepada* juga tidak terkecuali daripada mengalami kedaan sebegitu.

Kajian-kajian lepas mempunyai persamaan dan perbezaan dengan hasil dapatan kajian ini. Kata sendi nama, termasuk kata sendi nama *pada* dan *kepada* ada dinyatakan tatacara dan hukum penggunaannya dalam Tatabahasa Dewan. Namun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ahli bahasa tidak dapat menyekat pola penggunaan kata sendi nama tersebut daripada digunakan oleh masyarakat, walaupun tidak mengikut hukum penggunaan yang telah ditetapkan oleh Tatabahasa Dewan.

Hasil daripada kajian terhadap **3,600** baris konkordans kata sendi nama *pada* yang dimuat turun daripada pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, yang diakses daripada buku-buku klasik, akhbar-akhbar dan majalah-majalah ilmiah tahun 2006, didapati sebanyak **491** baris konkordans kata sendi nama tersebut yang berbeza pola penggunaannya dengan yang disarankan oleh Tatabahasa Dewan. Bagi kata sendi nama *kepada* pula, didapati terdapat sebanyak **244** baris konkordans yang tidak sama dengan hukum yang telah ditetapkan oleh Tatabahasa Dewan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Analisis Kata Sendi Nama

Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (2006) menyatakan bahawa kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama. Antara kata-kata sendi nama yang lazim digunakan dalam bahasa Melayu ialah:

di	bagi	laksana	antara
ke	demi	sejak	untuk
dari	tentang	terhadap	dengan
daripada	seperti	akan	dalam
kepada	bagai	oleh	sampai
pada	umpama	hingga	kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun semua kata sendi nama hadir di hadapan kata nama atau frasa nama, namun tiap-tiap satu mempunyai tugas atau fungsi yang berlainan dan penggunaannya ditentukan oleh peraturan-peraturan khusus, yang akan dijelaskan seterusnya. Tambahan lagi antara kata sendi nama ini terdapat juga beberapa bentuk yang menganggotai golongan kata yang lain, iaitu *akan* (juga berfungsi sebagai kata bantu), *dalam* (juga berfungsi sebagai kata nama arah dan kata adjektif), *sampai* (juga berfungsi sebagai kata kerja) dan *antara* (juga berfungsi sebagai kata nama arah).

(Nik Safiah Karim et.al, 2006.:252)

4.3.1 Penggunaan Kata Sendi Nama *Pada* Menurut Tatabahasa Dewan

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (2006), kata sendi nama *pada* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menunjukkan keterangan waktu dan tempat, digunakan dalam ungkapan *ada* + *pada* (manusia dan haiwan) dalam beberapa situasi tertentu, seperti yang berikut:

(a) *menunjukkan keterangan waktu* apabila mendahului kata nama yang menyatakan waktu atau masa. Contohnya:

1. Bas kami bertolak *pada* pukul tujuh pagi.
2. Seminar itu bermula *pada* hari ini.
3. *Pada* waktu itu ibu bapanya tiada di rumah.
4. Pemergiannya ditetapkan *pada* akhir tahun ini.
5. *pada* ketika itu saya sedang tidur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(b) Kata sendi nama *"pada" apabila didahului perkataan "ada"*, mesti diikuti oleh kata nama yang merujuk manusia atau haiwan.

Contohnya:

6. Wang itu ada *pada* ibu.
7. Kekuatan itu ada *pada* beberapa orang pahlawan sahaja.
8. Sifat jujur dan amanah ada *pada*nya.
9. Jam itu ada *pada* kakak Ali.
10. Naluri mengawan ada *pada* semua binatang.

(c) Sebagai perkataan yang terletak di hadapan *kata nama yang menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kata kerja.* Contohnya:

11. Bagi acara palang, ahli gimnastik itu perlu berpaut *pada* palang besi dengan kuatnya.
12. Kaki lembu itu digantung *pada* cangkuk besi.
13. Layang-layang itu tersangkut *pada* tiang telefon.
14. Tuliskan nama *pada* kertas ini.
15. Pemberitahuan itu ditampal *pada* papan kenyataan.
16. Pilihan yang kena *pada* tempatnya akan membawa kebahagiaan.
17. *Pada* waktu perintah berkurung, pergerakan mereka terhad *pada* kawasan itu sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kata sendi nama *pada* tidak boleh digunakan di hadapan kata nama yang membawa maksud sasaran, seperti dalam contoh-contoh berikut:

18. Surat ini hendak dikirim *kepada* siapa?

    (bukan: Surat ini hendak dikirim *pada* siapa?)

19. Serahkan bungkusan itu *kepada* pegawai kastam.

    (bukan: Serahkan bungkusan itu *pada* pegawai kastam.)

20. Berikan wangmu *kepada*ku.

    (bukan: Berikan wangmu *pada*ku.)

21. Kemalangan itu perlu dilaporkan *kepada* polis.

    (bukan: Kemalangan itu perlu dilaporkan *pada* polis.)

22. Berdoalah *kepada* yang Maha Esa.

    (bukan: Berdoalah *pada* yang Maha Esa.)

Sebagai hasil perkembangan bahasa Melayu, kata sendi nama *pada* digunakan juga dalam bentuk-bentuk ungkapan seperti yang berikut:

23. *Pada* saya kejayaan yang dicapainya itu cukup memuaskan.
24. *Pada* pendapatnya persatuan kami harus dibubarkan.
25. Kisah itu hanyalah khayalan *pada* pandangan saya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.1 Contoh Kata Sendi Nama *Pada* yang Tidak Mengikut Hukum Tatabahasa Dewan Dalam Data Korpus Berkomputer

1). Kata Sendi Nama *Pada* Sebagai Penanda Wacana

Contoh ayat:

i). ... undang-undang jalan raya," tegas beliau. Dalam *pada* itu, Profesor Dr Azhar Zain, perunding kanan psikologi sebuah universiti tempatan bersetuju dengan pendapat tersebut..

ii). ... terus menabung dengan pulangan yang tinggi. Dalam *pada* itu ada peneroka lalai, alpa dan tidak mengenang jasa pihak FELDA.

iii). ...bersamaan dengan peringatan tahun baru masihi. Dalam *pada* itu ulama juga menolak hijrah sebagai satu 'pelarian ekonomi'.

iv).... dan seorang ratu skuasy dunia," katanya. Dalam *pada* itu, Abdullah berkata, kerajaan memperuntukkan RM3 bilion untuk tujuan tersebut.

v). ...diseimbangkan dengan pembangunan fizikal. Dalam *pada* itu, Dr. Ismail berkata modal insan juga mampu meningkatkan ekonomi negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kata *'pada'* dalam ayat-ayat di atas berfungsi sebagai penanda wacana, yang biasanya digunakan untuk menunjukkan kohesi dengan ayat sebelumnya, dan juga untuk memulakan peranggan baharu dalam karangan. Kata *'itu'* dalam ayat-ayat di atas, walaupun pada umumnya merupakan kata *ganti nama tunjuk*, dan hadir selepas kata *'pada'* tetapi ia mestilah mendukung maksud menunjukkan benda atau perkara yang dirujuk itu. Oleh itu, kata *'pada itu'* dalam ayat-ayat di atas lebih merupakan penanda wacana.

2). Menyatakan Sasaran yang Merujuk Manusia, Haiwan dan Unsur Mujarad (Fungsi KSN *Kepada)*

Contoh ayat:

i). Tugas belajar sepanjang hayat amat tidak wajar diserahkan 100 peratus *pada* guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii). Sama ada ia memenuhi cita rasa orang, itu terpulang *pada* orang untuk menilai.

iii). Engkau ingin aku menggantungkan keindahan karyaku, *pada* belas kasihan pemuja dan pengkritik sastera.

iv). REAKSI "Jika kita percaya *pada* demokrasi, kita harus juga menghormati keputusan kerajaan.

v). Ukiran, bukan sekadar sebuah kerja seni yang bergantung *pada* kecantikan bentuk, tekstur, naratif, kesan emosi dalam diri pencintanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam ayat (i) dan (ii) di atas, kata sendi *'pada'* hadir sebelum kata nama untuk menyatakan sasaran yang merujuk manusia. Tatabahasa Dewan menggariskan bahawa kata sendi nama *'kepada'* terletak di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menyatakan sasaran yang merujuk manusia. Oleh itu, didapati terdapat kecenderungan pengguna bahasa (dalam korpus DBP) untuk menggunakan KSN *'pada'* untuk menggantikan KSN *'kepada'* untuk menyatakan sasaran yang merujuk manusia.

Ayat (i) dan (ii) di atas bila mengikut Tatabahasa Dewan akan menjadi:

i.a). Tugas belajar sepanjang hayat amat tidak wajar diserahkan 100 peratus *kepada* guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii.a). Sama ada ia memenuhi cita rasa orang, itu terpulang *kepada* orang untuk menilai.

Manakala dalam ayat (iii), (iv), dan (v) pula, kata sendi nama *'pada'* hadir di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menyatakan sasaran yang merujuk unsur mujarad, iaitu, *'belas kasihan'* (ayat iii), *'demokrasi'* (ayat iv), dan *'kecantikan'* (ayat v). Tatabahasa Dewan menggariskan bahawa kata sendi nama *'kepada'* terletak di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menyatakan sasaran yang merujuk unsur mujarad. Oleh itu, didapati terdapat kecenderungan pengguna bahasa (dalam korpus DBP) untuk menggunakan KSN *'pada'* untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggantikan KSN *'kepada'* untuk menyatakan sasaran yang merujuk unsur mujarad.

Ayat (i) dan (ii) di atas bila mengikut Tatabahasa Dewan akan menjadi:

iii.a). Engkau ingin aku menggantungkan keindahan karyaku, *kepada* belas kasihan pemuja dan pengkritik sastera.

iv.a). REAKSI "Jika kita percaya *kepada* demokrasi, kita harus juga menghormati keputusan kerajaan.

v.a). Ukiran, bukan sekadar sebuah kerja seni yang bergantung *kepada* kecantikan bentuk, tekstur, naratif, kesan emosi dalam diri pencintanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3). **Menunjukkan Tempat (Fungsi KSN *'di'* dan *'dalam')***

Contoh ayat:

i). Surat itu dilengkapi dengan petikan yang agak panjang dan *pada* beberapa tempat disebut pula kitab rujukan.

ii). Beliau berasa penghayatannya berada *pada* landasan cukup benar dan menenangkan.

iii). Mauduk di atas dikenali dengan istilah 'ilmu tauhid' dan demikian *pada* beberapa tempat dalam kalimat yang berikutnya, terdapat ....

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv). Sukar diramalkan keadaan sebenar mereka kerana berada *pada* posisi yang tidak menentu.

v). Kejayaan itu meletakkan Lily untuk berada *pada* kelompok meyakinkan.

Dalam ayat (i), (ii), dan (iii) KSN *'pada'* hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat, iaitu , *'beberapa tempat'*(ayat i) , *'landasan'*(ayat ii) dan *'beberapa tempat'* (ayat iii).

Mengikut hukum Tatabahasa Dewan, kata sendi nama *'di'* lebih tepat digunakan untuk menggantikan KSN *'pada'* kerana KSN *'pada'* digunakan untuk menunjukkan *tempat bagi perbuatan sesuatu kata kerja.* Mengikut Tatabahasa Dewan KSN *'di'* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat. Ayat (i), (iii), dan (iii) di atas bila mengikut Tatabahasa Dewan akan menjadi:

i.a).Surat itu dilengkapi dengan petikan yang agak panjang dan *di* beberapa tempat disebut pula kitab rujukan.

ii.a).Beliau berasa penghayatannya berada *di* landasan cukup benar dan menenangkan.

iii.a).Mauduk di atas dikenali dengan istilah 'ilmu tauhid' dan demikian *di* beberapa tempat dalam kalimat yang berikutnya, terdapat ....

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala dalam ayat (iv), dan (v), KSN *'pada'* hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat, iaitu , *'posisi'*(ayat iv) dan *'kelompok'*(ayat v).

Mengikut hukum Tatabahasa Dewan, kata sendi nama *'dalam'* lebih tepat digunakan untuk menggantikan KSN *'pada'* kerana KSN *'pada'* digunakan untuk menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kata kerja. Mengikut Tatabahasa Dewan KSN *'dalam'* hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian *lingkungan yang tidak mempunyai ruang jarak.* Ayat (iv), dan (v) di atas bila mengikut Tatabahasa Dewan akan menjadi:

iv.a). Sukar diramalkan keadaan sebenar mereka kerana berada *dalam* posisi yang tidak menentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v.a). Kejayaan itu meletakkan Lily untuk berada *dalam* kelompok meyakinkan.

4). Tidak Diikuti Oleh Kata Nama

Contoh Ayat:

i). Kalah menang tidak didasarkan *pada* kuatnya sesuatu pasukan.

ii). Lelaki jarang sekali memandang *pada* cantik buruknya seseorang perempuan.

iii). Manakala tanda bersyukur pula terbukti *pada* kesederhanaan dalam hidup.

iv). Keyakinan diri serta yakin *pada* kebolehan memerlukan bukan sahaja ilmu, ...

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam ayat-ayat di atas, kata yang hadir selepas kata *'pada'* bukannya kata nama atau frasa nama, tetapi kata atau frasa adjektif. Dalam ayat (i), (iii) dan (iv) kata yang hadir selepas kata *'pada'* ialah *kata adjektif sifatan atau keadaan.* Manakala dalam ayat (ii) pula, kata yang hadir selepas kata *'pada'* ialah *frasa adjektif pancaindera,* iaitu *indera pandang* (*cantik buruk*)

5). Menunjukkan Perubahan Keadaan (Fungsi KSN *kepada*)

Contoh ayat:

i). Peratusan pemilikan ekuiti Bumiputera tidak berubah *pada* kadar 18.9 peratus terdiri dari 15 peratus pegangan.

ii). Malaysia Derivatives Bhd menokok 2.5 mata untuk ditutup *pada* 917.5 mata untuk minggu lalu, tetapi lebih baik berbanding minggu sebelumnya.

iii).PM cuba mendapatkan kadar cukai korporat lebih rendah *pada* 25 peratus.

iv). Indeks Papan Pertama naik 965.44 mata setelah dibuka 1.16 mata lebih rendah *pada* 964.07

v). IK dibuka 1.6 mata lebih tinggi *pada* 915.61 pada sesi pagi Jumaat lalu.

Dalam ayat-ayat di atas, kata sendi nama *'pada'* hadir sebelum kata nama yang *menyatakan pecahan* atau *menyatakan perubahan keadaan.* Tatabahasa Dewan, menyarankan KSN yang menyatakan fungsi seperti di atas ialah KSN *'kepada'.* Oleh itu, ayat-ayat tersebut sepatutnya seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i.a). Peratusan pemilikan ekuiti Bumiputera tidak berubah *kepada* kadar 18.9 peratus terdiri dari 15 peratus pegangan.

ii.a). Malaysia Derivatives Bhd menokok 2.5 mata untuk ditutup *kepada* 917.5 mata untuk minggu lalu, tetapi lebih baik berbanding minggu sebelumnya.

iii.a). PM cuba mendapatkan kadar cukai korporat lebih rendah *ke pada* 25 peratus.

iv.a). Indeks Papan Pertama naik 965.44 mata setelah dibuka 1.16 mata lebih rendah *kepada* 964.07.

v). IK dibuka 1.6 mata lebih tinggi *kepada* 915.61 pada sesi pagi Jumaat lalu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6). Menunjukkan Pecahan (Fungsi KSN *kepada*)

Contoh ayat:

i). Kopkenem sejak tahun 1997 menikmati kadar dividen *pada* enam peratus setiap tahun dan boleh memohon untuk pembelian.

ii). Penganalisis jangka KDNK kukuh *pada* 5.5 peratus pada tahun hadapan, berbanding 4.7 peratus pada tahun semasa.

iii). Oleh Kaladh yakin ekonomi akan berkembang *pada* kadar 6.4 peratus tahun ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kata sendi nama *'pada'* dalam ayat-ayat di atas diikuti oleh kata nama atau frasa nama yang *menunjukkan fungsi pecahan*, iaitu, *"enam peratus"* (ayat ii), *"5.5 peratus"* (ayat ii), dan *"6.4 peratus"* (ayat iii). Mengikut Tatabahasa Dewan, KN atau FN yang harus hadir sebelum kata nama atau frasa nama yang *menyatakan pecahan* ialah *'kepada'*. Oleh itu, ayat-ayat di atas sepatutnya menjadi:

i.a). Kopkenem sejak tahun 1997 menikmati kadar dividen *pada* enam peratus setiap tahun dan boleh memohon untuk pembelian.

ii.a). Penganalisis jangka KDNK kukuh *pada* 5.5 peratus pada tahun hadapan, berbanding 4.7 peratus pada tahun semasa.

iii.a). Oleh Kaladh yakin ekonomi akan berkembang *pada* kadar 6.4 peratus tahun ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Penggunaan Kata Sendi Nama *kepada* Menurut Tatabahasa Dewan

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (2006), kata sendi nama *kepada* terletak di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menyatakan sasaran merujuk manusia, haiwan, unsur mujarad, menyatakan pecahan dan menyatakan perubahaan keadaan.

b. menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan, dan unsur mujarad. Contohnya:

1. Sila kembalikan borang itu *kepada* kerani pejabat ini.
   (bukan: Sila kembalikan borang itu *ke* kerani pejabat ini.)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Sisa makanan itu diberikan *kepada* kucing.

   (bukan: Sisa makanan itu diberikan *ke* kucing.)

4. Ali mengirim surat *kepada* abang.

   (bukan: Ali mengirim surat *ke* abang.)

5. Ia memberitahu berita itu *kepada* orang tuanya.

   (bukan: Ia memberitahu berita itu *ke* orang tuanya)

6. Rumput yang terkumpul itu segera diberikan *kepada* lembunya.

   (bukan: Rumput yang terkumpul itu segera diberikan *ke* lembunya.)

7. Pastikan anak-anak anda tidak terdedah *kepada* bahaya dadah.

   (bukab: Pastikan anak-anak tidak terdedah *ke* bahaya dadah.)

Namun demikian, kata sendi nama *kepada* boleh juga digunakan di hadapan kata nama yang merujuk institusi yang ada kaitan dengan manusia. Contohnya:

8. Ibu bapa telah menghantar surat bantahan *kepada* sekolah tersebut.
9. Dewan Bahasa dan Pustaka telah menghadiahkan buku bacaan *kepada* beberapa buah perpustakaan sekolah.
10. Surat itu hendaklah dihantar *kepada* Kementerian Pendidikan dengan segera.

c. *menyatakan pecahan.* Contohnya:

   1. Peserta bengkel itu dibahagikan *kepada* dua kumpulan.
   2. Waktu persekolahan dipecahkan *kepada* sesi pagi dan sesi petang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Bermula dari tahun ini pengajian universiti itu dipecahkan *kepada* dua semester.
4. Suhu yang sangat tinggi sahaja yang dapat menguraikan air *kepada* juzuk-juzuknya dengan cara fizik yang mudah.

d. *menyatakan perubahan keadaan.* Contohnya:

1. Suhu badannya meningkat *kepada* 39 darjah Celcius.
2. Keadaan ekonomi berubah *kepada* tahap yang lebih baik.
3. Harga pasaran saham menurun *kepada* paras yang membimbangkan.

Kata sendi nama *kepada* sering digunakan untuk berpadanan dengan kata sendi nama *daripada,* seperti dalam contoh-contoh berikut:

daripada Aminah *kepada* Salmah

daripada ayah *kepada* ibu

daripada 37 darjah Celcius *kepada* 38 darjah Celcius

daripada tahap sederhana *kepada* tahap memuaskan

daripada warna biru muda *kepada* warna biru tua

Walau bagaimanapun, penggunaannya yang merujuk tempat seperti yang berikut tidak betul:

* daripada batang *kepada* dahan

(seharusnya: dari batang *ke* dahan)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

* daripada sebuah rumah *kepada* sebuah rumah

(seharusnya: dari sebuah rumah *ke* sebuah rumah)

* daripada Johor *kepada* Perak

(seharusnya: dari Johor *ke* Perak)

* daripada sawah *kepada* bendang

(seharusnya: dari sawah *ke* bendang)

4.3.2.1 Contoh Kata Sendi Nama *kepada* yang Tidak Mengikut Hukum Tatabahasa Dewan dalam Data Korpus Berkomputer

1. Menyatakan sasaran yang *tidak merujuk* manusia, haiwan, dan unsur mujarad.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh ayat:

i) Industri pembuatan, khususnya kilang penyaman udara dan peti sejuk didapati banyak yang melakukan kemusnahan *kepada* alam sekitar, dari segi penggunaan CFC.

ii). Projek tanaman kenas itu seluas 15 kilometer, bergantung *kepada* lokasinya dan dua kilometer jaraknya daripada jalan utama.

iii).Pesakit buah pinggang bergantung *kepada* mesin berkenaan untuk meneruskan setelah hidup setelah buah pinggang mereka gagal berfungsi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv). Bidang kemahiran juga banyak bergantung pada pelajaran praktikal bukannya *kepada* buku semata-mata.

v). Mohamad kembali *kepada* dadah selepas tamat belajar.

Dalam ayat-ayat di atas, KSN *kepada* hadir di hadapan kata nama atau frasa nama untuk *menyatakan sasaran yang* ***tidak*** *merujuk manusia, haiwan, dan unsur mujarad.* Ayat (i) merujuk *alam sekitar,* yang tidak boleh dikategorikan sebagai "*institusi yang ada kaitan dengan manusia"* sebagaimana yang di tetapkan oleh Tatabahasa Dewan. Keadaan yang sama berlaku dalam ayat (ii), iaitu kata *lokasinya*, juga tidak boleh dikategorikan sebagai *unsur mujarad.*

Manakala dalam ayat (iii), (iv), dan (v) pula kata nama yang hadir selepas KN *'kepada'*, iaitu, *mesin* (ayat iii), *buku* (ayat iv) dan *dadah* (ayat v), tidak boleh dikategorikan sebagai *sasaran yang merujuk manusia, haiwan, dan unsur mujarad,* sebagaimana yang ditetapkan oleh Tatabahasa Dewan.

2. Hadir Di Hadapan Kata Kerja

Contoh ayat:

i). Saya cuma ingin memberi tumpuan *kepada* berlakon dan memegang banyak watak yang berlainan.

ii). Dulu kita mengamalkan prinsip mencegah dan kini beralih *kepada* merawat sedangkan mereka tetap menagih dadah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii). Apa yang jelas, transformasi itu yang sedang mengalih tumpuan *kepada* operasi secara bersepadu berasaskan inisiatif.

iv).Pendatang-pendatang ini bergiat dalam pelacuran, perjudian dan lain-lain yang mungkin membawa *kepada* merompak dan membunuh.

Dalam ayat-ayat di atas, kata *'kepada'* hadir di hadapan kata kerja, iaitu,*'berlakon'* (ayat i), *'merawat'*(ayat (ii), *'operasi'* (ayat iii), dan *'merompak'* (ayat iv). Tatabahasa Dewan menyatakan bahawa kata nama *'kepada'*mesti hadir sebelum kata nama, baharulah ia dapat dikategorikan sebagai KN atau FN.

Mengikut pengamatan pengkaji, ayat-ayat di atas KN tertentu yang perlu hadir sebelum kata kerja tersebut. Ayat-ayat tersebut seharusnya menjadi:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i.a). Saya cuma ingin memberi tumpuan *kepada* **aktiviti** berlakon dan memegang banyak watak yang berlainan.

ii.a). Dulu kita mengamalkan prinsip mencegah dan kini beralih *kepada* **prinsip** merawat sedangkan mereka tetap menagih dadah.

iii.a). Apa yang jelas, transformasi itu yang sedang mengalih tumpuan *kepada* **melakukan** operasi secara bersepadu berasaskan inisiatif.

iv.a).Pendatang-pendatang ini bergiat dalam pelacuran, perjudian dan lain-lain yang mungkin membawa *kepada* **perbuatan** merompak dan membunuh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Menyatakan Sasaran yang Merujuk Jenama Yang Bukan Institusi Manusia

Contoh ayat:

i). Pasaran sudah hilang tempat *kepada* Jens Lehmann, yang perlu memperbaharui bentuk dan ciri-cirinya supaya memenuhi cita rasa pengguna.

ii) Mengenai sambutan *kepada* Savvy, Maruan berkata, sejak akhir-akhir ini sungguh memberangsangkan.

iii) Untuk presentation pula, anda sudah diperkenalkan *kepada* DTML Method, DTML Document dan Page Template.

Dalam ayat-ayat di atas, kata yang hadir selepas KN *'kepada'* adalah *jenama yang bukan institusi manusia.* Oleh itu, penggunaan KN *'kepada'* di depan kata yang merujuk jenama yang bukan institusi manusia adalah tidak dibolehkan oleh Tatabahasa Dewan. Dalam ayat (i), *Jens Lehman* adalah jenama pakaian, dalam ayat (ii), *Savvy* adalah jenama kenderaan, manakala dalam ayat (iii), *DTML Method* adalah sejenis *soft ware* dalam komputer.

4. Menyatakan Sasaran untuk Memberi Contoh

Contoh ayat:

i). Perbuatan merajuk di kalangan remaja mencakupi dan tidak terhad *kepada* umpamanya enggan bercakap dengan ibu bapa, tetapi seolah-olah memulaukan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii). Bila diperhatikan perilaku remaja kebelakangan ini yang membawa *kepada* contohnya wujud begitu banyak sekali perbuatan buli.

iii). Penukaran status tanah daripada tanah perindustrian *kepada* umpamanya yang berstatus institusi pendidikan.

Dalam ayat-ayat di atas, kata sendi nama *'kepada'* hadir sebelum kata *umpamanya* (ayat i), *contohnya* (ayat ii), dan *umpamanya* (ayat iii). Semua kata yang hadir selepas KSN *'kepada'* dalam ayat-ayat tersebut merupakan sasaran untuk memberi contoh. Oleh itu, keadaan sedemikian tidak dinyatakan dengan jelas dalam Tatabahasa Dewan, tetapi digunakan oleh masyarakat.

4.4 Kesimpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis yang telah dilakukan dalam bab ini jelas menunjukkan satu trend baru, apabila wujudnya kata sendi nama *pada* dan *kepada* yang tidak mengikut hukum tatabahasa Melayu sebagaimana yang digariskan dalam Tatabahasa Dewan. Daripada struktur dan cara kata sendi nama tersebut digunakan, jelas memperlihatkan bahawa ayat-ayat yang digunakan masih mampu mengungkap makna yang ingin disampaikan oleh penutur (atau penulis).

Walau bagaimanapun, perkara yang dapat dirumuskan di sini ialah, penggunaan kata sendi nama *pada* dan *kepada* yang menyalahi tatabahasa Melayu dalam Tatabahasa Dewan masih digunakan oleh masyarakat pada masa ini, bahkan semakin berkembang. Dalam Tatabahasa Dewan, kata sendi nama *pada* dan *kepada* dijelaskan dengan terperinci kedudukannya serta hukum penggunaannya. Namun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

demikian, apabila berhadapan dalam masyarakat pengguna bahasa seperti pola penggunaan yang ditunjukkan dalam data korpus, pengguna bahasa ternyata lebih selesa menggunakan kata sendi nama tersebut tanpa perlu bersusah payah memikirkan hukum penggunaannya dalam ayat-ayat yang bakal mereka ucapkan.

Dalam kajian yang dijalankan juga pengkaji mendapati terdapat kata sendi nama *pada* yang bertukar fungsi dan kedudukannya dengan kata sendi nama *kepada* dan sebaliknya. Tardapat juga penggunaan kata sendi nama tersebut dalam ayat yang sepatutnya menggunakan kata sendi nama yang lain, ataupun menggunakan kata hubung. Sehubungan itu, pengkaji merumuskan bahawa penggunaan kata sendi nama *pada* dan *kepada* bukan hanya terbatas sebagaimana yang ditetapkan dalam Tatabahasa Dewan, bahkan masyarakat pengguna bahasa sudah menyesuaikan penggunaannya mengikut keselesaan mereka. Hal ini bersesuaian dengan sifat bahasa itu sendiri, iaitu sebagai *entiti yang hidup dan sentiasa berkembang.* (Nor Hashimah Jalaluddin, 2005: 21). Kecenderungan masyarakat menggunakan kata sendi nama *pada* dan *kepada* seperti yang ditunjukkan melalui data korpus secara umumnya *tidak mengubah maksud ayat* yang ingin disampaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PENUTUP

5.0 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan dan membincangkan segala dapatan yang diperoleh melalui kajian. Hasil daripada dapatan kajian ini, pengkaji cuba mengintepretasi keadaan yang timbul dalam penyelidikan ini. Kesimpulan keseluruhan kajian ini telah dibentangkan dan beberapa cadangan turut disyorkan.

5.1 Kesesuaian Metodologi Kajian

Sebagaimana yang telah dihuraikan dalam Bab 3, kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kepustakaan. Melalui kaedah ini, pengkaji mendapatkan sumber maklumat dengan merujuk kepada bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan UKM, UM dan UPSI. Selain itu, kajian ini juga menggunakan data korpus berkomputer. Data korpus dapat menggambarkan penggunaan bahasa yang representatif dalam kalangan masyarakat. Keserasian antara kaedah kepustakaan dan korpus berkomputer telah membuktikan bahawa wujudnya kesesuaian metedologi dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Dapatan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat penggunaan kata sendi nama *pada* dan *kepada.* Penggunaan kata sendi nama *pada* dan *kepada* ini dilihat dengan membuat perbandingan kata sendi nama *pada* dan *kepada* antara Tatabahasa Dewan dengan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Dapatan daripada data korpus yang berbeza dengan kata sendi nama *pada* dan *kepada* yang terdapat dalam Tatabahasa Dewan, merupakan dapatan baharu yang menunjukkan kata sendi nama *pada* dan *kepada* yang diguna pakai oleh masyarakat masa kini.

Kata sendi nama *pada* dan *kepada* dalam data korpus apabila dibandingkan dengan Tatabahasa Dewan, Seperti yang telah disenaraikan dalam bab sebelum ini, hasil dapatan kajian mendapati kata sendi nama *pada* dan *kepada* hadir di hadapan kata nama yang tidak mengikut hukum Tatabahasa Dewan. Kata sendi nama *pada* dan *kepada* juga saling bertukar kedudukan dan fungsinya, malah, didapati terdapat kata yang bukan dalam golongan kata nama hadir selepas sendi nama tersebut.

Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan kata sendi nama *pada* dan *kepada* tidak terbatas dalam kalangan masyarakat. Dapatan baharu daripada data korpus menunjukkan bentuk penggunaannya yang telah diterima pakai oleh masyarakat. Walau bagaimanapun, hukum penggunaan kata sendi nama tersebut masih wujud dan banyak dipakai dalam kalangan masyarakat. Apa yang jelas dalam situasi sebegini, masyarakat pengguna bahasa Melayu tidak mengehadkan penggunaan kata sendi nama *pada* dan *kepada* dalam situasi yang rigid seperti yang telah ditetapkan dalam Tatabahasa Dewan. Dapatan baharu ini menunjukkan bahawa trend penggunaan kata sendi nama tersebut dalam kalangan masyarakat, tidaklah sampai '*mencacatkan*'

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maksud ayat yang ingin disampaikan, dan masyarakat masih boleh memahami maklumat yang ingin disampaikan.

5.3 Implikasi Dalam Pendidikan

Kajian yang pengkaji lakukan secara tidak langsung dapat memberi manfaat kepada bidang pendidikan negara. Kajian ini juga boleh menunjukkan kepada umum bahawa wujud perbandingan penggunaan kata sendi nama *pada* dan *kepada* menurut Tatabahasa Dewan dan dapatan daripada data korpus berkomputer.

Melalui kajian ini, didapati bahawa sesuatu ayat itu masih boleh difahami maksudnya, walaupun penggunaan kata sendi nama *pada* dan *kepada* tidak mengikut hukum Tatabahasa Dewan. Dapatan ini mungkin boleh digunakan oleh pakar bahasa yang lain untuk melihat sejauh mana penggunaan kata sendi nama tersebut boleh dibenarkan dalam kalangan masyarakat selepas mereka menamatkan alam persekolahan.

Di samping itu, bagi guru-guru pula, khususnya guru bahasa Melayu, dapatan ini boleh dijadikan contoh bagi melihat perbandingan penggunaan kata sendi nama, khususnya kata sendi nama *pada* dan *kepada* dalam kalangan masyarakat yang berbeza daripada yang terdapat dalam Tatabahasa Dewan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Kesimpulan

Berdasarkan kajian, didapati memang terdapat perbezaan penggunaan kata sendi nama *pada* dan *kepada* dalam data korpus dengan Tatabahasa Dewan. Perbezaan ini merupakan dapatan baharu yang menunjukkan penggunaan yang diguna pakai oleh masyarakat sekarang.

Pengkaji tidak layak untuk mempertikaikan kewibawaan Tatabahasa Dewan, tetapi pengkaji ingin melihat dapatan baharu yang menunjukkan wujudnya perebezaan dengan Tatabahasa Dewan, tetapi pada masa yang sama dapatan itu masih lagi dapat mengekalkan kegramatisan ayat dan makna yang ingin disampaikan oleh penutur dalam ayat tersebut. Tatabahasa korpus bukan satu dapatan yang menjadi 'ancaman' terhadap tatabahasa pegangan. Pengkaji berpendapat bahawa tatabahasa korpus merupakan faktor pengaya sahaja dan cuba menunjukkan dapatan baharu yang mungkin boleh menjadi satu cadangan terhadap penerimaan masyarakat terhadap sesuatu kata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Linguistik korpus berkomputer yang dimanfaatkan dalam kajian ini, pada hemat pengkaji merupakan satu menifestasi kaedah saintifik yang digunakan. Individu yang terlibat secara langsung dalam bidang bahasa Melayu, khususnya mengetahui bahawa tugas utama linguistik adalah memerihal seadanya tentang bahasa secara saintifik. Ekoran itu, linguistik korpus berkomputer dapat memperlihatkan secara empirikal kehadiran dan corak penggunaan unsur nahuan kata sendi nama *pada* dan *kepada* secara lebih menyeluruh. Akhirnya, pengkaji berharap pengkajian kata sendi nama, khususnya kata sendi nama *pada* dan *kepada* ini mampu memberi ilmu baharu dan menambah pengetahuan kepada pelbagai pihak, terutama pengkaji bahasa,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendidik dan pelajar bahasa. Oleh itu, pelbagai bentuk kata sendi nama tersebut seharusnya digunakan dengan betul dan bukannya secara sewenang-wenangnya. Oleh yang demikian, dalam usaha melakukan penyelidikan, para pengkaji seharusnya memelihara kegramatisan bahasa , kerana sebagai pengkaji bahasa, kitalah yang memartabatkannya di mata masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdullah Hassan, et.al (1989). *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hassan dan Ainon mohd, (1994). *Tatabahasa Dinamika.*Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Ahmad Mohamed Ibrahim, (1987).*Sistem Undang-Undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Arbak Othman, (1981). *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur : Sarjana Enteprise.

Arbak Othman, (1989). *Nahu bahasa Melayu.* Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya.

Asmah Haji Omar, (1978). *Pengajaran Bahasa Malaysia dalam Konteks Perancangan Bahasa Kebangsaan*

Asmah Haji Omar, (1978). *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus Kepada Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar, (1986). *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Baru)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Had Salleh, (1981). *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Muhammad Amin, (1982). "Analisis Kesalahan Bahasa Malaysia Pelajar Sekolah Menengah." Dlm. *Dewan Bahasa*, Februari, 1982.

Awang Sariyan, (1984). *Isu-Isu Bahasa Malaysia*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Azman Wan Chik, (1982). *Trend-Trend Baru dalam Bidang Pendidikan Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chomsky, N, (1957).*Syntactic Structure*. The Huge: Mouton and Company.

Corder, S. P., (1967) "The Significane of Learners' Errors" dlm. *IRAL* No. 5.

Hashim Hj. Musa, (1994). *Pengantar falsafah bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hashimah Othman, (1997). *Kesilapan-Kesilapan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Thai*, Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya : Kuala Lumpur.

Ismail Jusoh, (1994). *Satu Kajian Analisis Kesilapan Penggunaan Sendi Nama dalam Bahasa Malaysia.* Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Izani Hj. Daud. (1996).*Kesalahan Penggunaan Sendi Nama 'di' dalam Pemelajaran Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes.* Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Jais Sahok. (1990). *Tinjauan Kesalahan Pengguna Bahasa di Kalangan Pelajar Tingkatan Enam Rendah SMK Datuk Patinggi Abdul Gapor, Stampin.* Tesis Master Sains, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia: Serdang.

Kamus Dewan Edisi Ketiga, (1998). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Keraf Gorys. (1991). *Tatabahasa Rujukan Bahasa Indonesia*, Jakarta: Peerbit PT Grasindo.

Lado, Robert. (1957). *Linguistics Across Culture viii,* Ann Arbor: Michigan University Press.

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran, (1990), Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Lung Sai Mei. (1991). *Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama di Kalangan Pelajar Cina Tingkatan Dua, SMK Tungku Besar Tampin: Satu Kajian Kes.* Tesis Master Sains, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia: Serdang.

Nik Safiah Karim dll., (2006). *Tatabahasa Dewan (Edisi Baharu).*Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Hashimah Jalaluddin, (1996). "Tatacara kajian lapangan: satu panduan". Dlm. *Jurnal Dewan Bahasa.* Januari 1996 hal. 44-54.

Nor Hashimah Jalaluddin, (2005). "Gandingan Kata Bilangan dan Penggandaan Bahasa Melayu: Sama Tak Serupa, dlm. *Jurnal Bahasa*, September 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noresah Baharom, (1993). "Perkamusan Melayu dalam Memenuhi Wawasan 2020" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa,* Januari 1993, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noresah Baharom, (1994). "Kamus Dewan Sebagai Tempat Penyusunan Kamus Besar Bahasa Melayu." *Kertas Kerja Seminar Perkamusan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sabaruddin Ahmad, (1961). *Paramasastra Bahasa Indonesia.* Medan: Penerbit Saiful Medan.

Zahrani Ahmad, (2005). "Isu Morfofonologi Bahasa Melayu: Menangani Kepelbagaian Varian dalam Korpus", dlm. *Jurnal Bahasa*, September 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Bin Ahmad, (1964). *Pelita Bahasa Melayu: Penggal 1.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifli Baharin, (1997). *Analisis Kesilapan kata Kerja Pelajar Cina di Bahagian Keenam Sarawak.* Disertasi Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

اونيۏرسيتي ڤنديديقن سلطان ادريس
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel: 05-450 6005 Fax: 05-459 4649
Laman Web: www.upsi.edu.my
Email: admin@upsi.edu.my

Pusat Pengajian Siswazah

rsalisme Profesionalisme Spiritualisme Intelektualisme"

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : UPSI/PASCA/1.5
Tarikh :

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

PENGESAHAN PELAJAR UNTUK MEMBUAT PENYELIDIKAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah di rujuk.

2. Pelajar sebagaimana nama dan nombor matrik seperti di bawah adalah pelajar Program Pengajian Siswazah :

Nama Pelajar	: MUHD POUZI B. ZAKARIA
No. Kad Pengenalan	: 610602-03-5023
No. Pendaftaran	: M20051000004
Program	: SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU
Peringkat Pengajian	: SARJANA

3. Sehubungan itu, pihak kami memohon jasa baik tuan supaya dapat membenarkan pelajar tersebut membuat kajian serta penyelidikan di tempat tuan bagi memenuhi pengajian beliau di UPSI.

Sekian, untuk makluman.

(ABD. GHANI MANSOR)
Penolong Pendaftar
Institut Pengajian Siswazah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SMK Dr. Burhanudin,
34000 Taiping,
Perak Darul Ridzuan.

Ketua Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.
(UP: Ketua Bahagian Penyelidikan Bahasa) 5 MAC 2007

Tuan,

MOHON KEBENARAN MELAKUKAN PENYELIDIKAN KORPUS

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Saya sebagaimana nama dan nombor matrik seperti di bawah adalah pelajar Program Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu), Universiti Pendidikan Sultan Idris:

Nama : Mohd Pouzi bin Zakaria
Nombor Matrik: M20051000004

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Sehubungan itu saya memohon jasa baik tuan supaya membenarkan saya membuat kajian serta penyelidikan mengenai korpus bahasa bagi melengkapkan kerja kursus saya.

4. Kerjasama dan jasa baik pihak tuan, saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"CINTAILAH BAHASA KITA"


Saya yang benar,

.....
(MOHD POUZI BIN ZAKARIA)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TATACARA PENGGUNAAN SISTEM KORPUS DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA




Langkah-langkah awal sebelum membuka sistem korpus:

1. Klik ikon telnet/putty
2. Masuk rangkaian bahasa
3. Login:student1
4. Password:xxxxxxx
5. ENTER

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skrin Paparan Kumpulan Data/Subkorpus dalam Pangkalan Data Korpus DBP



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tekan <ENTER> untuk ke paparan seterusnya.

Keterangan:


Paparan pertama yang dikeluarkan ialah senarai subkorpus yang terdapat dalam Pangkalan Data Korpus.

Pilih subkorpus yang hendak dikaji berdasarkan **Senarai Kumpulan Data dalam Pangkalan Data Korpus DBP** yang dilampirkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skrin Memasukkan Subkorpus Pilihan




Taipkan subkorpus pilihan dan tekan ENTER. Pada contoh paparan di atas, subkorpus pilihan ialah db3 (data buku 70an ke atas)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skrin Memasukkan Carian untuk konkordans



Pada paparan ini, masukkan kata kunci yang ingin dijanakan. Kata kunci perlu didahului dan diakhiri dengan pengikat kata.

Kemudian tentukan sama ada ingin menjanakan barisan konkordans sahaja atau sekiranya memerlukan ayat lengkap, taipkan y dalam kurungan kosong yang sebaris dengan Sentence; dan begitu juga untuk Paragraph sekiranya memerlukan perenggan lengkap. (Sekiranya tidak memerlukan ayat ataupun perenggan lengkap, abaikan kurungan tersebut).


Ruangan "Number of Occurances:" bertujuan mengehadkan jumlah paparan barisan konkordans yang dijanakan. (Abaikan sekiranya tidak diperlukan).

Setelah selesai menentukan carian, tekan Ctrl + F untuk "Accept". Sistem akan memproses carian anda, sila tunggu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skrin Paparan Keputusan Carian Konkordans



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tekan "Ctrl B" untuk ke baris yang terakhir bagi melihat jumlah konkordans. Catatkan sekiranya perlu.

Keterangan:

^J : untuk simpan fail dengan menamakan fail anda.

^I : untuk mengisih baris konkordans mengikut urutan huruf.


^B : untuk melihat baris terakhir.

^T : untuk melihat baris teratas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skrin Pengisihan Konkordans



Pilih mengikut nombor.

Tekan <ENTER>

Keterangan:

Mengisih baris konkordans berdasarkan:


1. perkataan sebelum kata kunci
2. kata kunci
3. perkataan selepas kata kunci

Jika carian imbuhan, isih kata kunci sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skrin Paparan Selepas Isih




Keterangan:

Pengisihan selepas kata kunci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skrin Simpan Hasil Carian Konkordans



Tekan "Ctrl J" untuk menyimpan fail.

Tuliskan /tmp/nama fail.txt (cth: /tmp/disiplin.txt), kemudian tekan ENTER.

Keterangan:

Fail disiplin.txt akan disimpan di dalam folder tmp di dalam Sistem Korpus.
Anda perlu membuka fail tersebut menggunakan kemudahan Ws_ftp32.exe yang ada di desktop komputer yang sedang anda gunakan.Klik dua kali ikon tersebut.



Ikon Ws_ftp32.exe

Sila berhubung dengan kakitangan berkenaan jika anda menghadapi masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LINES :

916 i kita harus memberi tumpuan **kepada** acara Olimpik yang boleh men
564 ak yang melakukan kemusnahan kepada alam sekitar, dari segi peng
798 ang mempunyai kesan langsung kepada alam sekitar, terutama pengg
383 inan yang boleh dimuat turun kepada alat mudah alih," katanya sa
28 h patut atau perlu memandang kepada antara lain hal keadaan yang
181 probiotik adalah kata lawan kepada antibiotik, bermaksud 'untuk
711 dan permohonan perlu dibuat kepada Bahagian Kewangan untuk pemb
73 Konsep hijrah * Merujuk kepada bahasa Arab, perkataan hijra
663 enyelesaiannya, kita kembali kepada bahasa yang boleh menjadi se
313 tama mempengaruhi permintaan kepada barangan * Keuntungan berp
84 ee dan keduanya, berdasarkan kepada beberapa filem beliau," kata
854 erajaan kini memberi tumpuan kepada beberapa projek besar dalam
373 yang tentunya memberi kesan kepada bekalan di pasaran tempatan.
977 a cuma ingin memberi tumpuan kepada berlakon dan memegang banyak
198 esterol tinggi. Bergantung kepada bilangan saraf dan bahagian
949 kebun, bergantung sepenuhnya kepada bot penambang yang ibarat te
398 pelajaran praktikal bukannya kepada buku semata-mata. Di sampi
746 mudah didapati. Berpandukan kepada buku tulisan Mutalib serta b
529 an kerap dan secara langsung kepada cahaya matahari. Punca ram
74 njaman yang tidak bergantung kepada cengkeram yang tinggi dan pe
948 yang mendorong saya beralih kepada cerpen. Awalnya memang sukar
583 iversiti. Mohamad kembali kepada dadah selepas tamat belajar.
585 heroin, ganja dan daun ketum kepada dadah sintetik atau Ampethim
666 ga beli-belah' akan bertukar kepada destinasi untuk pelancong me
823 pendakwaan atau berdasarkan kepada dokumen sah," katanya. Ras
271 hun lalu, berbanding RM3.678 kepada dolar AS pada 4 April lalu.
13 gsi untuk menyalurkan cahaya kepada filem (retina) dan seterusny
567 eh tidak terpaksa bergantung kepada filem terbaru arahan kekasih
346 n. Janganlah melihat kecuali kepada hal dibolehkan untuk dilihat
103 datang dan 14 akan membawa berita gembira kepada industri dengan mengiktiraf
842 untuk memberi suntikan baru kepada industri hiburan yang semaki
810 memberikan sumbangan ketara kepada industri pelancongan terutam
234 terhadap kualiti juga diberi kepada i602 euro dan 300 euro. Melihat kepada kedudukan itu, adalah tidak ndustri pertanian dan
pente
598 dan akan memberi impak besar kepada industri tenaga di negara in
